

"AGAMA yang disampaikan kepada Nabi-nabi ialah celupan Allah (yang telah sebatu mencorakkan hidup kami). Dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nya kami beribadat".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 138.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.24 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 101

24 OGOS 2026 / 1448 ربيع الأول 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

BERKENAN MENGURNIAKAN BINTANG KEBESARAN NBD KEPADA PM MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim dan rombongan yang berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit (Lihat muka 4).

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



SIRAH Rasulullah sebagai panduan kehidupan

Muka 9



PROGRAM pakar padi hibrid sokong pengukuhan industri padi NBD

Muka 12

Memperkukuh kerjasama serantau memajukan pembangunan belia

Siaran Akhbar :
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Belia Ke-14 (AMMY XIV) dan Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Belia Campur Tiga Ke-10 (10th AMMY+3) yang diadakan secara persidangan video, baru-baru ini. NBD diwakili oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Dengan tema 'Penguatan Pembangunan Belia bagi Komuniti ASEAN yang Berdaya Tahan, Inovatif, Dinamik dan Inklusif: Menavigasi Masa Hadapan Bersama', mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Belia Kebangsaan Filipina, Tuan Yang Terutama Joseph Francisco R. Ortega.

>> Muka 8

Brunei-Malaysia tingkatkan kerjasama, teroka peluang baharu demi kesejahteraan bersama

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Pada akhir Perundingan Tahunan Ketua-Ketua Kerajaan Kali Ke-27, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri

Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim mengesahkan semula komitmen untuk memperdalam lagi kerjasama dalam bidang-bidang penting yang mempunyai kepentingan bersama dan meneroka peluang-peluang baharu untuk kerjasama yang akan memajukan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat kedua-dua buah negara.

>> Muka 6

Majlis Dikir Maulidur Rasul terus disemarakkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Ogos. - Majlis Bercorak Keagamaan sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah bagi malam ke-11 diteruskan malam ini di Surau Istana Nurul Iman, bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

>> Muka 7



KEADAAN cuaca diramal panas, kering sehingga hujung bulan

Muka 13



MINIATUR makanan comel buatan anak tempatan

Muka 20

RPK ABDB terus cemerlang memperkasa keupayaan pertahanan negara

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillaahir Rahmanir Raheem,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat hadir pada pagi ini untuk meraikan Sambutan Jubli Emas Penubuhan Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB).

Pasukan bermula pada tahun 1976 cuma seramai dua puluh empat (24) anak tempatan sahaja. 'River Squadron' terus berkembang sehingga menjadi sebuah pasukan elit. Beta gembira menyaksikan perbarisan RPK ABDB pada pagi ini, dalam usianya mencecah setengah abad.

Mengambil sukut baik hari yang bersejarah ini, beta dengan sukacita mengurniakan Pingat Jubli Emas RPK ABDB kepada semua anggota RPK yang masih berkhidmat.

Dalam Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026, telah menekankan Landskap Sekuriti Rantau dan Antarabangsa yang semakin tidak menentu. Ia juga turut memberi kesan kepada negara. Selaku negara berdaulat, untuk memiliki kekuatan tentera tidaklah boleh dipandang ringan. Selain kekuatan diplomasi, sistem pertahanan yang kukuh juga adalah menjadi keutamaan.

Beta ingin melihat RPK ABDB mengambil

peluang melalui hubungan diplomasi dengan negara-negara lain untuk menggunakan teknologi terkini dalam bidang ketenteraan. Beta juga bangga dengan penglibatan RPK ABDB dalam perlawanan-perlawanan pasukan khas di luar negara. Hendaknya dari perlawanan-perlawanan ini RPK ABDB akan dapat mencapai keupayaan, setanding dengan pasukan-pasukan antarabangsa.

RPK ABDB adalah aset strategik pertahanan negara. Ia hendaklah dipelihara dengan penuh keikhlasan dan integriti melalui Ikrar Rejimen Pasukan Khas yang baru dilaungkan sebentar tadi.

Beta ingin melihat, melalui Diplomasi Pertahanan, supaya RPK ABDB akan terus bekerjasama dengan pasukan khas negara-negara sahabat. Dengan adanya latihan bersama dan perkongsian kemahiran operasi khas terkini, maka beta yakin RPK akan mempunyai tahap kemahiran tempur yang sentiasa tinggi.

Mengenai dengan peningkatan kemahiran operasi khas ini, beta adalah mengambil maklum perasmian bangunan baharu dan moden Kompleks Tempur Rapat (Close Quarter Battle Complex) RPK ABDB pada hari ini. Bangunan ini sudah tentu akan memantapkan lagi kemahiran tempur rapat anggota-anggota RPK melalui pelbagai senario latihan mencabar, sesuai dengan evolusi tempur dalam operasi khas.

Pada masa yang sama, Beta juga menggalakkan Rejimen Pasukan Khas untuk sentiasa mengintegrasikan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence). Langkah ini penting bagi memperkasa lagi keupayaan serta kemahiran operasi khas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Hari Ulang Tahun Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Rabu, 19 Ogos 2026, di Padang Kawad Perkhemahan Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Negara Brunei Darussalam.

Beta menyeru supaya semua anggota Rejimen Pasukan Khas terus menjaga disiplin dan etika kerja, melaksanakan tugas dengan setia dan jujur. Beta mengingatkan juga supaya anggota-anggota Rejimen Pasukan Khas tidak terjumuk ke

dalam kegiatan-kegiatan jenayah dan elemen-elemen negatif yang boleh menjejaskan imej dan reputasi RPK dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei secara menyeluruh.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	ISNIN	11	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.35	6.30	7.41
25	SELASA	12	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.34	6.30	7.40
26	RABU	13	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.40
27	KHAMIS	14	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39
28	JUMAAT	15	4.46	4.56	6.15	6.37	12.23	3.32	6.28	7.39
29	SABTU	16	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38
30	AHAD	17	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.30	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
ISNIN			SELASA			RABU				
Bandar Seri Begawan										
33	27	°C	32	26	°C	32	26	°C		
Pekan Bangar										
33	25	°C	31	25	°C	32	25	°C		
Pekan Tutong										
33	26	°C	33	25	°C	32	26	°C		
Kuala Belait										
33	25	°C	33	24	°C	33	25	°C		

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

24 OGOS 2026

Mengejar kejayaan untuk mencapai impian

KITA sudah berada pada bulan Ogos dan seperti yang diketahui pada bulan inilah pelbagai acara diadakan seperti majlis konvokesyen Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pada bulan ini sudah dua buah universiti di negara ini mengadakan majlis konvokesyen masing-masing dengan keramaian para graduan yang semakin meningkat setiap tahun dan tentunya majlis serupa akan diikuti lagi oleh beberapa buah lagi IPT di negara ini bagi meraikan para graduan yang telah menamatkan pengajian masing-masing.

Pastinya setiap daripada graduan ini membawa harapan tinggi untuk terus berjaya dengan mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang mereka peroleh. Tetapi mereka ini bukan sahaja membawa harapan diri sendiri bahkan apa yang lebih berat lagi ialah membawa harapan serta impian setiap ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka berjaya dengan mendapat pekerjaan yang stabil. Bagi ibu bapa, melihat kejayaan anak adalah sangat berbaloi jika dibandingkan dengan segala sokongan, dukungan, kewangan dan masa yang diberikan untuk anak-anak mereka agar terus berjaya dan menjadi seorang yang berguna dan menyumbangkan bakti untuk ibu bapa, masyarakat dan negara.

Menamatkan pengajian universiti adalah pencapaian besar, menandakan akhir perjalanan akademik dan permulaan bab baharu dalam kehidupan. Apabila awda melangkah keluar dari menara gading dengan ijazah di tangan, persoalan pasti muncul iaitu apa yang akan dilakukan selepas ini?

Bagi kebanyakan graduan, fokus utama adalah memasuki pasaran kerja. Proses peralihan dari akademik ke dunia profesional tidak dinafikan penuh cabaran dan mencabar. Langkah pertama biasanya adalah menjelajahi peluang kerja yang berkaitan dengan bidang pengajian. Ini mungkin melibatkan permohonan pekerjaan ataupun latihan industri yang sejajar dengan kemahiran dan minat awda.

Selain daripada pendidikan formal, pembangunan kemahiran secara berterusan adalah penting dalam pasaran kerja yang berubah dengan cepat pada hari ini. Pertimbangkan untuk memperoleh kemahiran baharu, sama ada melalui kursus dalam talian, bengkel atau pembelajaran sendiri. Awda perlu proaktif dalam membentuk kerjaya demi masa depan awda.

Ingatlah bahawa perjalanan selepas tamat pengajian adalah unik bagi setiap individu. Awda perlu menghadapi masa depan dengan minda terbuka, adaptabiliti dan komitmen kepada pertumbuhan berterusan. Landskap selepas dunia universiti luas dan penuh dengan peluang, pilihan yang awda buat hari ini akan membentuk corak kehidupan profesional dan peribadi awda untuk tahun-tahun akan datang.

Walau bagaimanapun, kita tidak mengetahui rezeki yang Allah Subhanahu Wata'ala tetapkan untuk setiap manusia. Justeru bagi yang kurang berjaya dalam pelajaran, jangan berputus asa, mungkin ada kelebihan lain yang dikurniakan kepada kita dengan mencari rezeki lain seperti berniaga sendiri. *Bekarih, bejarih, belurih*, inilah kata-kata semangat untuk terus memotivasi diri agar terus berjuang, tanpa mengira di mana, bagaimana awda berusaha dan apa yang diusahakan asalkan halal dan tidak menyalahi mana-mana peraturan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERSANTAPAN RASMI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Majlis Persantapan Rasmi sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-27 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengucapkan selamat berangkat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-27 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia, Majlis Persantapan Rasmi telah berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Berangkat sama ke Majlis

Persantapan Rasmi berkenaan ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal

Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Juga hadir, delegasi Malaysia dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Pengiring.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.



Brunei, Malaysia meterai kerjasama dalam pengurusan bencana



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim, ke Baitul Mesyuarah



bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia, iaitu Memorandum Persefahaman antara Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia mengenai Kerjasama dalam Bidang Pengurusan Bencana.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Pemangku Menteri Penyelaras bagi

Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, manakala, Kerajaan Malaysia pula diwakili oleh Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan.

NBD, MALAYSIA MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK, DUA HALA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal


Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Majlis Perjumpaan Empat Mata.

Pada Majlis Perjumpaan Empat Mata berkenaan, kedua-dua pemimpin membincangkan beberapa sektor utama untuk memperkukuh lagi kerjasama strategik dan dua hala, serta meningkatkan integrasi ekonomi, di samping meneroka peluang kerjasama baharu yang akan memberi manfaat bersama kepada kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin juga menegaskan semula komitmen mereka untuk mengadakan rundingan secara berkala bagi memajukan inisiatif-inisiatif ini.

Semasa perjumpaan tersebut, kedua-dua pemimpin juga menyambut baik pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam pengurusan bencana bagi meningkatkan keupayaan tindak balas kecemasan bersama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Majlis Perjumpaan Empat Mata (atas dan kiri).

Berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran NBD kepada PM Malaysia



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-27 antara NBD dan Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri Malaysia bagi Majlis Mengadap di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; serta

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir ialah delegasi Malaysia dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Pengiring.

Majlis Mengadap berkenaan diikuti dengan Majlis Pengurniaan Bintang Kebesaran NBD.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K) kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang membawa gelaran 'Dato Laila Utama'.

Pada majlis berkenaan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menerima mengadap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan menadah tangan ketika doa dibacakan (atas). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka

Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

PM MALAYSIA BERLEPAS MENINGGALKAN NBD

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Sabtu, 22 Ogos. - Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim, dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail serta rombongan berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-27 antara NBD dan Malaysia.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd.

Yussof selaku Menteri Pengiring serta isteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerna Jaya Haji Mohd. Yusof serta isteri.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin; dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN).

Terdahulu, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

YANG Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan isteri semasa berlepas meninggalkan Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-27 antara NBD dan Malaysia (atas kiri, atas dan kanan).

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman sebelum menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata dan seterusnya menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).



Memperingati, menghayati perjuangan, akhlak, sunnah Rasulullah

Siaran Akhbar dan Foto :
Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Dikir Syarafil Anam bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah / 2026 Masihi (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir memeriahkan lagi sambutan berkenaan yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Masjid SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

MANGGIS / MADANG, Ahad, 23 Ogos. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Masjid SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang baru-baru ini telah mengadakan Majlis Dikir Syarafil Anam bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan diadakan sebagai salah satu usaha untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam serta memperingati dan menghayati perjuangan, akhlak dan sunnah Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; serta Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka

Haji Mahmud.

Turut hadir, wakil daripada pendikir Kementerian Kesihatan, Pusat Pembangunan Belia, para Penasihat dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid SSBRPAD serta para jemaah masjid.

Majlis diserikan lagi dengan bacaan Dikir Syarafil Anam yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat.

Sementara itu, Doa Khas untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dipimpin oleh Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Majlis berkenaan bertujuan untuk meningkatkan rasa kecintaan umat Islam terhadap Junjungan Besar

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menghayati sirah, akhlak dan sunnah Baginda serta mengeratkan silaturahmi dalam kalangan masyarakat setempat.

Pihak pengurusan dan AJK Takmir Masjid SSBRPAD merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu kehormat, jemputan, pendikir, agensi-agensi yang terlibat serta para jemaah yang telah hadir dan sama-sama menjayakan majlis berkenaan.

Semoga Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini terus menyemarakkan kecintaan kita kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta mendorong seluruh umat Islam untuk menghayati dan mengamalkan sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

MEMPERKUKUH HUBUNGAN, KERJASAMA BERTERUSAN DALAM BIDANG KESIHATAN

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin



JERUDONG, Sabtu, 22 Ogos. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) hari ini mengalu-alukan kunjungan hormat isteri Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail ke JPMC.

Kunjungan berkenaan mencerminkan hubungan kerjasama yang telah lama terjalin dalam bidang penjagaan kesihatan, di samping memperkukuh hubungan dan kerjasama berterusan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia, khususnya dalam bidang kesihatan.

Selain menghimpunkan wakil-wakil daripada Kerajaan Malaysia, JPMC dan Kementerian Kesihatan, kunjungan berkenaan

menyediakan peluang bagi mengeratkan hubungan serta bertukar pandangan mengenai perkhidmatan penjagaan kesihatan khusus, pemulihan serta penerapan teknologi inovatif dalam penjagaan pesakit.

Ketibaan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah dan rombongan dialu-alukan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar juga selaku Pengarah Eksekutif JPMC; dan Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku Timbalan Pengerusi JPMC.

Turut mengiringi Yang Amat

Berbahagia, isteri Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Atur cara kunjungan berkenaan merangkumi penerangan mengenai perkhidmatan dan keupayaan penjagaan kesihatan khusus yang disediakan oleh JPMC, dengan memberi tumpuan kepada pendekatan pemulihan serta penjagaan berasaskan teknologi.

Sementara itu, pembentangan korporat disampaikan oleh Ketua Pegawai Kewangan JPMC, Bun Pei Ling, yang memberikan gambaran mengenai peranan JPMC dalam landskap penjagaan kesihatan di NBD.

Yang Amat Berbahagia berserta rombongan turut diberi penerangan mengenai pelbagai perkhidmatan kepakaran yang disediakan oleh JPMC, diikuti dengan sesi perbincangan bersama wakil-wakil daripada JPMC dan Kementerian Kesihatan.

Kunjungan berkenaan turut mengetengahkan Perkhidmatan Perubatan Pakar JPMC, khususnya kemudahan pemulihan serta penerapan teknologi dalam penjagaan pesakit.

Rombongan kemudiannya turut berkesempatan melawat beberapa kemudahan pemulihan, termasuk Rehabilitation Garden, Hydropool dan Rehabilitation Ward, serta fasiliti robotik yang memperlihatkan keupayaan JPMC dalam menyokong proses pemulihan,



ISTERI Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail semasa mengadakan kunjungan hormat ke JPMC (atas dan kiri).

rawatan susulan dan meningkatkan hasil penjagaan pesakit.

Acara berkenaan turut diselenggarakan dengan penandatanganan lembaran kenangan serta penyampaian cenderamata penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia sebagai tanda kenangan sempena kunjungan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah ke JPMC, di samping mencerminkan kepentingan hubungan dan kerjasama berterusan antara NBD dan Malaysia dalam sektor penjagaan kesihatan.

Kunjungan hormat berkenaan antara lain menggariskan kepentingan meneruskan kerjasama serta pertukaran

kepakaran profesional antara NBD dan Malaysia, khususnya dalam bidang perkhidmatan perubatan kepakaran, pemulihan dan inovasi penjagaan kesihatan.

Kerjasama berkenaan turut memperkukuh komitmen bersama kedua-dua buah negara dalam mempertingkatkan kerjasama kesihatan serantau serta memajukan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berfokus kepada keperluan pesakit.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan Awang Haji Adi Itham bin Dato Paduka Haji Mahmud serta Ahli-ahli Lembaga JPMC, pihak pengurusan kanan dan pegawai-pegawai dari JPMC serta Kementerian Kesihatan.



Brunei-Malaysia tingkatkan kerjasama, teroka peluang baharu demi kesejahteraan bersama



Oleh : Nooratini Haji Abas

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menekankan semula kepentingan pelaksanaan 'Exchange of Letters' (EOL) 2009 yang berterusan sebagai asas utama kerjasama strategik.

Dalam Kenyataan Bersama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia mengiktiraf komitmen yang kukuh dan usaha yang signifikan daripada Jawatankuasa Teknikal Bersama, yang mana kira-kira 50 peratus sempadan darat telah diukur dan ditandakan bersama, dan seterusnya menekankan keperluan untuk mengekalkan momentum ke arah mencapai sasaran yang dipersetujui untuk melengkapkan pengukuran bersama dan penandaan keseluruhan sempadan darat menjelang tahun 2034.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri Malaysia mengambil maklum hasil Mesyuarat Ke-27 mengenai Pelaksanaan EOL pada 21 Ogos 2026 di Bandar Seri Begawan, dan menggesa agar Jawatankuasa Teknikal Bersama untuk memajukan kerja-kerja teknikal dalam semua sektor yang belum selesai, terutamanya sektor-sektor keutamaan dengan secepat mungkin, selaras dengan TOR 2012 dan mengambil kira aspek-aspek yang mempunyai persamaan antara kedua-dua pihak.

Mengenai kerjasama dalam mencari dan menyelamat, kedua-dua Pemimpin bersetuju untuk memperdalamkan lagi kerjasama dua hala dan memperkukuh penyelarasan yang lebih erat dalam mencari dan menyelamat (SAR) rentas sempadan dan tindak balas kecemasan.

Kedua - dua Pemimpin menzahirkan rasa gembira dengan kemajuan kerjasama ekonomi yang stabil antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, dan seterusnya mengalu-alukan kemajuan dalam kerjasama tenaga dan perjanjian antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak pada September 2025, untuk bekerjasama dalam aktiviti minyak

dan gas, kuasa, peralihan tenaga dan sebarang aktiviti lain yang dipersetujui bersama pada masa hadapan. Ini, antara lain, termasuk usaha berterusan ke arah merealisasikan projek sambungan kuasa Brunei-Sarawak sebagai sebahagian daripada ASEAN Power Grid (APG), serta kerjasama Gas Petroleum Cecair (LPG) yang sedia ada, pertukaran lawatan dan bengkel.

Kedua - dua Pemimpin seterusnya mengalu - alukan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani antara Royal Brunei Airlines (RB) dan Lembaga Pelancongan Sarawak dan menggalakkan lebih banyak inisiatif pelancongan bersama antara Negara Brunei Darussalam dengan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, terutamanya menjelang Tahun Melawat Brunei 2027.

Kedua - dua Pemimpin mengalu - alukan perbincangan berterusan mengenai penanaman padi secara komersial di Sarawak, yang boleh menyumbang kepada keselamatan makanan, mengukuhkan kerjasama pertanian dan mewujudkan peluang ekonomi baharu untuk kedua-dua pihak memajukan perbincangan mengenai usaha sama yang saling menguntungkan.

Kedua-dua Pemimpin juga

menggalakkan agensi berkaitan untuk meneroka kemungkinan *single checkpoint* untuk memperkemas prosedur imigresen, termasuk mengurangkan keperluan untuk pelbagai pengesahan pasport, dan memudahkan pergerakan rentas sempadan yang lebih lancar.

Kedua - dua Pemimpin mengalu-alukan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Brunei Darussalam (NCCIBD).

Mengenai kerjasama pertahanan, kedua-dua Pemimpin berpuas hati dengan pertukaran aktif dan program latihan antara kedua-dua angkatan tentera, serta kerjasama di bawah United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL).

Kedua - dua Pemimpin mengalu-alukan pembaharuan Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama dalam Pengurusan Bencana pada 22 Ogos 2026.

Mengenai isu-isu serantau, kedua-dua Pemimpin menekankan semula komitmen untuk merealisasikan aspirasi bersama ASEAN Community Vision 2045, melalui memajukan pelaksanaan

yang berkesan.

Mengenai Timur Tengah, kedua-dua Pemimpin menekankan bahawa isu Palestin kekal sebagai punca utama konflik dan ketidakstabilan di rantau tersebut dan menyatakan kecaman keras terhadap tindakan genosid dan pembersihan etnik yang berterusan yang dilakukan oleh Israel, sebagai 'Occupying Power'.

Kedua-dua Pemimpin juga menyatakan kebimbangan yang mendalam terhadap ketegangan yang semakin meningkat dan permusuhan di Timur Tengah, terutamanya yang melibatkan Amerika Syarikat dan Israel terhadap Republik Islam Iran, dan serangan balas terhadap beberapa negara di rantau tersebut.

Kedua - dua Pemimpin selanjutnya menyatakan bahawa situasi itu telah mengganggu lalu lintas maritim melalui Selat Hormuz, menjejaskan rantaian bekalan global dalam tenaga dan barangan keperluan, dan menyatakan kebimbangan yang mendalam terhadap sebarang langkah diskriminasi atau unilateral yang tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa, dan menyeru pemulihan laluan transit kapal dan pesawat yang selamat, tanpa halangan, dan berterusan di Selat Hormuz, selaras dengan UNCLOS 1982.

75 GRADUAN MENERIMA PINGAT, HADIAH BUKU UNISSA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan pingat dan hadiah kepada salah seorang penerima (atas dan kiri).

JERUDONG, Sabtu, 22 Ogos. – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafi Al-Takharrij UNISSA Ke-16 yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak D'Polo, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan pingat dan hadiah buku universiti berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Muhammad

Dzulkhairi bin Haji Ibrahim yang merupakan Penerima Pingat Universiti dan graduan Sarjana Muda Usuluddin (Aqidah dan Da'wah).

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik), UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengerusi Bersama Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafi Al-Takharrij UNISSA Ke-16.

Pada majlis berkenaan, seramai 75 orang menerima pingat dan hadiah buku universiti, iaitu seorang penerima Pingat Pro-Canselor, seorang penerima

Pingat Rektor, 11 orang penerima Pingat Universiti dan 62 orang penerima hadiah buku bagi pelbagai kriteria.

Antara penerima utama ialah Awang Muhammad Adi Syazani @ Muhammad Izz Raziq bin Shahri, graduan Sarjana Muda Tahfiz dan Qira'at, yang menerima Pingat Pro-Canselor, Hadiah Pencapaian Akademik Cemerlang (Tahun Akhir) serta Hadiah Pencapaian Terbaik dalam Kursus Al-Quran Al-Karim Aliran Bahasa Arab.

Manakala Pingat Rektor pula dianugerahkan kepada Dayang Zuyyin Khairina binti Abdul Malik, graduan Sarjana Muda Sains Pertanian Agribisnes.

Sepertimana lazimnya, UNISSA menyediakan empat jenis pingat, iaitu Pingat Canselor, Pingat Pro-Canselor, Pingat Rektor dan Pingat Universiti.

UNISSA juga pada waktu yang sama, menyediakan hadiah buku bagi empat kategori yang berbeza, iaitu hadiah buku bagi tahun akhir, hadiah buku bagi selain dari tahun akhir, hadiah buku bagi keputusan cemerlang dalam kursus Al-Quran (aliran Arab dan juga aliran Inggeris) dan hadiah buku bagi keputusan cemerlang dalam kursus Melayu Islam Beraja.

Setiap pingat dan hadiah buku berkenaan mempunyai kriteria masing-masing.

Secara umumnya, kriteria berkenaan dinilai bukan sahaja dari sudut kecemerlangan dalam akademik, kecemerlangan dalam aktiviti serta khidmat masyarakat, bahkan yang paling penting adalah kecemerlangan sahsiah.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Ahli-ahli Majlis UNISSA, Penolong - penolong Rektor, jempunan - jempunan khas, para penyumbang dan penaja pingat dan hadiah buku, pegawai-pegawai utama UNISSA, para pensyarah dan ibu bapa serta para penjaga.

Majlis Dikir Maulidur Rasul terus disemarakkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Juga hadir Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Daniel @ Tekpin bin Ya'akub,

Penghulu Mukim Ukong; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap MTIC.



Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis kemudiannya diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Membina Jiwa Tenang' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang.

Pengisian majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyarakal daripada pegawai dan kakitangan lelaki MTIC. Dikir Khairuman pula dipersembahkan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penanjong, manakala Dikir Bisyahrin dipersembahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bengkurong.

Sementara itu, Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dipersembahkan oleh guru-guru dan penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Dalam pada itu, majlis bercorak keagamaan yang sama turut diadakan di Surau perempuan, Istana Nurul Iman. Tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Doa Membina Jiwa Tenang' disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih, PDI, Dayang Siti Noraini binti Haji Mohd. Hashim.

Antara pengisian tazkirah menyentuh mengenai kepentingan doa dalam kehidupan seorang muslim yang mana doa merupakan senjata orang beriman dan lambang pergantungan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Melalui doa, seorang Muslim bukan sahaja memohon keperluan dunia dan akhirat, tetapi juga memperkukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, amalan berdoa hendaklah dipelihara dan dilaksanakan

dengan adab yang baik agar menjadi sumber keberkatan dan ketenangan dalam kehidupan.

Majlis turut disemarakkan dengan persembahan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyarakal daripada pegawai dan kakitangan wanita MTIC. Dikir Khairuman dipersembahkan oleh Muslimah Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, manakala Dikir Bisyahrin dipersembahkan oleh Muslimah Masjid Omar Ali Saifuddin. Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat pula dipersembahkan oleh guru-guru dan penuntut dari ITQSHHB.

Majlis disudahi dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda kesyukuran serta memohon keberkatan untuk negara dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Bercorak Keagamaan bagi malam ke-11 yang diadakan di Surau Istana Nurul Iman (atas kiri). Manakala gambar kiri dan kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU MEMAJUKAN PEMBANGUNAN BELIA

>> Muka 1

AMMY XIV dan 10th AMMY+3 telah menghimpunkan Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab dalam hal ehwal belia serta wakil mereka, bersama rakan sejawat dari Negara Campur Tiga iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea. Mesyuarat ini menjadi wadah untuk bertukar pandangan dan memperkukuh kerjasama serantau dalam memajukan pembangunan belia, dengan perbincangan tertumpu kepada penyelarasan keutamaan belia serantau dengan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dan Rancangan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, di samping mengiktiraf peranan penting belia dalam membentuk komuniti ASEAN yang berdaya tahan, inovatif, dinamik dan inklusif.

Semasa menyampaikan kenyataan dalam mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menegaskan bahawa golongan belia bukan sekadar pemimpin masa hadapan, tetapi juga merupakan penggerak utama masa kini yang mencorakkan masyarakat sebagai inovator teknologi, pembina komuniti, dan usahawan dinamik. Bagi mendepani perubahan global yang pantas, ASEAN perlu memupuk



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

minda, nilai, kemahiran, dan keyakinan dalam diri belia agar mereka bersedia untuk memimpin.

Melalui platform keterlibatan yang tepat, belia mampu bertindak sebagai rakan strategik bagi memperkukuh kesepaduan sosial dan memelihara perpaduan jangka panjang rantau ini. Di peringkat domestik, pembangunan belia kekal menjadi agenda utama NBD.

Hubungan interaktif antara golongan belia dan penggubal dasar terus diperkasakan melalui inisiatif seperti Kajian Belia Kebangsaan, sesi dialog, sesi town hall, Kongres Belia Kebangsaan, dan Konvensyen

Pemimpin Muda Brunei. Bagi membina daya tahan dan jati diri belia, Yang Berhormat turut mengetengahkan peranan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dalam memupuk disiplin dan patriotisme, serta peranan Pusat Pembangunan Belia dalam melengkapkan belia dengan pelbagai kemahiran termasuk keupayaan digital bagi memperkukuh laluan ke arah pekerjaan serta keusahawanan.

Antara hasil utama AMMY XIV ialah pengesahan dan pelancaran Rangka Kerja ASEAN mengenai Belia 2026-2030, yang menetapkan hala tuju kerjasama ASEAN dalam pembangunan belia

bagi tempoh lima tahun akan datang dan akan dikemukakan di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49. Para menteri turut menilai kemajuan yang dicapai di bawah Rangka Kerja ASEAN mengenai Belia 2021-2025 dan menegaskan komitmen mereka untuk memperkukuh kerjasama serta mewujudkan lebih banyak peluang bagi belia untuk terlibat secara bermakna dalam membentuk masa depan komuniti ASEAN.

Para menteri juga telah meluluskan Deklarasi ASEAN mengenai Pengukuhan Pembangunan Belia bagi komuniti ASEAN, Kenyataan Belia ASEAN mengenai Daya Tahan Digital, serta Kenyataan Bersama Menteri-menteri AMMY XIV dan 10th AMMY+3.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Belia Ke-14 (AMMY XIV) dan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Belia Campur Tiga Ke-10 (10th AMMY+3) yang diadakan secara persidangan video.

Mesyuarat turut mengalu-alukan Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Anggota ASEAN Ke-11 dan menyatakan penghargaan atas sokongan berterusan serta kerjasama Negara Plus Tiga dan rakan ASEAN dalam memajukan inisiatif pembangunan belia serantau.

AMMY XIV dan 10th AMMY+3 telah didahului oleh Mesyuarat Pegawai Kanan Mengenai Belia Ke-15 (SOMY XV) dan Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Campur Tiga Mengenai Belia Ke-14 (14th SOMY+3), yang diadakan secara persidangan video dari 19 hingga 20 Mei 2026.

Delegasi NBD ke mesyuarat tersebut telah diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman bersama pegawai kanan dari kementerian tersebut.

Perkasa AI dalam pembangunan kurikulum, pengajaran TVET

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Sabtu, 22 Ogos. - SEAMEO Regional Centre for Vocational and Technical Education and Training (SEAMEO VOTTECH) berjaya menamatkan Program Latihan Serantau Hibrid mengenai AI Enhanced Curriculum and Lesson Planning in TVET yang berlangsung secara dalam talian dan bersemuka.

Majlis Penutupan program berkenaan diadakan di Dewan Seri Kerna, SEAMEO VOTTECH, hari ini dan diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Dalam ucapannya, Dr. Haji Azman menekankan bahawa Kecerdasan Buatan (AI) seharusnya memperkukuh dan bukannya menggantikan peranan guru.

Beliau turut mengetengahkan GenAI Guidance for Education Negara Brunei Darussalam yang dilancarkan pada Februari 2026, yang berteraskan prinsip Maqasid Syariah di samping mengambil kira piawaian antarabangsa berkaitan penggunaan AI secara beretika dalam pendidikan.

Dr. Haji Azman seterusnya menggalakkan para peserta untuk kembali ke institusi

masing-masing bukan sekadar sebagai pengguna AI, tetapi sebagai pemimpin yang berpengetahuan dan bertanggungjawab dalam menerajui transformasi pendidikan berasaskan AI.

Dalam ucapan penutupnya, Pengarah SEAMEO VOTTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek, menekankan bahawa pencapaian utama program berkenaan ialah pengintegrasian AI Generatif sebagai fasilitator digital.

Setiap kumpulan peserta berjaya menyiapkan Trial DACUM Chart serta draf dokumen kurikulum modular sepanjang program tersebut.

Sementara itu, Penyelaras Kursus, Dr. Ir. Muhammad Ikhwan Jambak, yang juga Pakar TVET merangkap Pengurus Pengurusan Pengetahuan di SEAMEO VOTTECH, menjelaskan bahawa program berkenaan merangkumi teori kurikulum, DACUM, ADDIE

dan *prompt engineering*.

Program turut disusuli dengan bengkel secara praktikal yang menyaksikan para peserta membangunkan draf kurikulum bagi bidang pekerjaan seperti Juruteknik Ladang Organik dan Pakar Diagnostik Kenderaan Elektrik (EV).

Beliau turut memaklumkan bahawa kesemua 20 peserta berjaya menyelesaikan setiap tugas yang diberikan dengan pencapaian cemerlang.

Program latihan tersebut dilaksanakan secara hibrid, dengan sesi dalam talian selama tiga hari, bermula 11 hingga 13 Ogos 2026, manakala sesi bersemuka berlangsung dari 17 hingga 22 Ogos 2026.

Seramai 20 peserta daripada kesemua 11 Negara Anggota SEAMEO menyertai program berkenaan.

Para peserta mengikuti pembelajaran bermula daripada

asas AI dan AI Generatif serta *prompt engineering*, sebelum mengaplikasikan AI dalam pendekatan kurikulum dan perancangan pengajaran yang sedia ada.

Program turut merangkumi Forum Serantau bertajuk 'Integrating AI into Competency-Based TVET: From AI-Enabled Curriculum Development to AI-Ready Graduates'.

Program berkenaan adalah selaras dengan UNESCO's AI Competency Framework for Educators (2021), ASEAN's Digital Masterplan 2025 serta mandat SEAMEO VOTTECH dalam memperkukuh kapasiti TVET di rantau ini.

Menjelang akhir program, para peserta berjaya menghasilkan modul kurikulum TVET diperkaya AI, rancangan pengajaran TVET diperkaya AI serta Pelan Tindakan Integrasi AI di peringkat institusi.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Dalam suasana meraikan Hari Jubli Emas RPK ABDB pagi ini, beta juga gembira melihat kehadiran mantan-mantan pemimpin dan anggota Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Kehadiran mereka ini turut mencerminkan sokongan dan komitmen yang berterusan dalam sama-sama melihat sendiri perkembangan RPK masa kini. Beta ucapkan terima kasih dan penghargaan di atas pengorbanan mereka sebelum ini.

Akhirnya, beta mengucapkan syabas dan tahniah bersempena sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Emas Penubuhan Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada seluruh warga RPK yang masih berkhidmat dan mereka yang telah bersara. Tidak lupa juga, penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Sambutan Jubli Emas atas usaha gigih mereka menjayakan acara bersejarah pada pagi ini. Beta turut mendoakan supaya Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus berjaya dan sentiasa dalam pemeliharaan serta perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahi Taufeq WalHidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Penutup program berkenaan.

SIRAH RASULULLAH SEBAGAI PANDUAN KEHIDUPAN

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Ogos. - Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar sebagai catatan sejarah tetapi sebagai panduan kehidupan yang sentiasa relevan dengan cabaran manusia pada hari ini. Tazkirah mengetengahkan dua hikmah utama daripada perjalanan kehidupan Baginda.

Hikmah pertama menekankan bahawa ujian dan cabaran merupakan sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia. Melalui pelbagai ujian yang dilalui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, termasuk kehilangan, penolakan, penghinaan dan kesedihan, kita belajar bahawa emosi seperti sedih, takut, marah dan risau adalah sebahagian daripada respons semula jadi manusia.

Yang penting ialah bagaimana emosi tersebut diurus dengan iman, sabar, doa, tawakal dan sokongan daripada orang di sekeliling. Hikmah kedua pula menonjolkan bahawa adab dan akhlak mulia menjadi asas kepada kejayaan dalam kehidupan.

Kejujuran dan amanah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sehingga Baginda dikenali sebagai Al-Amin, serta akhlak Baginda ketika berhadapan dengan mereka yang menyakiti dan menentangnya, menunjukkan bahawa akhlak tidak seharusnya ditentukan oleh cara orang lain melayan kita. Sebaliknya, kita mempunyai kemampuan untuk memilih bagaimana kita berakhlak.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Dari Sirah kepada Kehidupan: Menemui Hikmah Perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Kehidupan Masa Kini' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Latihan dan Peningkatan Kompetensi, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengiran Siti Katijah binti Pengiran Sulaiman, bagi menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-40 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali

Ke-243, baru-baru ini.

Pengiran Siti Katijah seterusnya menambah, akhirnya, tazkirah membawa kepada satu renungan bahawa kejayaan sebenar bukan hanya diukur melalui pencapaian, kedudukan, kerjaya atau harta tetapi melalui nilai, akhlak dan manfaat yang kita tinggalkan kepada orang lain.

"Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi cerminan bahawa walaupun zaman dan cabaran berubah, fitrah manusia tetap mempunyai persamaan. Oleh itu, Maulidur Rasul bukan sekadar mengingati kelahiran Baginda tetapi merupakan ruang untuk mengambil teladan dan hikmah daripada kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bagi membentuk cara kita menjalani kehidupan pada hari ini," jelasnya.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah Ahli Jawatankuasa Kumpulan Firqah Ulfatunnisa dan Kumpulan Ar-Rumaysa' di bawah Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU.

Juga menyerikan, para muslimah dan jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara serta warga kerja wanita di bawah KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Kumpulan Firqah Ulfatunnisa, Program Keagamaan Belia, PDI, KHEU, Dayang Nur Syafiqah binti Nasruddin, diikuti dengan bacaan Surah Al-Waqiah beramai-ramai

TAZKIRAH bertajuk 'Dari Sirah kepada Kehidupan: Menemui Hikmah Perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Kehidupan Masa Kini' serikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-40 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-243.

dipimpin oleh Ahli Kumpulan Ar-Rumaysa', Program Keagamaan Belia, PDI, KHEU, Dayang Nurul Afifah binti Lamit.


Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ahli Kumpulan Ar-Rumaysa', Program Keagamaan Belia, PDI, KHEU, Dayang Nur Tajwiida Insyirah binti Haji Isa.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafriyyah beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Kumpulan Firqah Ulfatunnisa, Program Keagamaan Belia, PDI, Dayang Fatin Nurhanani binti Abdullah Mohdar, kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pengurus Kumpulan Ar-Rumaysa', Program Keagamaan Belia, PDI, KHEU, Dayangku Lutfatul Mahfuzah binti Pengiran Anak Mohd. Yusuf.

Program Malam Munajat bertujuan

mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : <http://tiny.cc/munajatkheuwanita>.



Dikir Maulud malam ke-10 di Istana Nurul Iman

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam di Istana Nurul Iman diteruskan lagi bagi malam ke-10, malam tadi bertempat di Surau Istana Nurul Iman bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan,

Dr. Haji Azman bin Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan; dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti bacaan Surah



SUASANA pada Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam di Istana Nurul Iman bagi malam ke-10 (atas dan atas kiri).

Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Seterusnya, tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Amalan Doa Ketika Sakit' yang disampaikan oleh Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin dari Pusat Da'wah

Islamiah (PDI) menyemarakkan suasana majlis.

Persembahan dikir dimulakan dengan Dikir Assalamualaika, diikuti Dikir Khairuman, Bisyahrin, Al-Hamdu/Badat dan Asyarakal.

Sementara itu, majlis seumpamanya turut berlangsung di Surau Perempuan Istana Nurul

Iman.

Manakala tazkirah dengan tajuk yang sama disampaikan oleh Dayang Dr. Norhazerah binti Baha dari PDI.

Kedua-dua majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

PROGRAM GEMA SELAWAT NUSANTARA WADAH MEMPERKUKUH JALINAN UKHUWAH



TUAN Yang Terutama Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, sekitar majlis tersebut yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Ogos. - Program Gema Selawat Nusantara anjuran bersama Kumpulan Meraih Berkah (KMB) dan Pengurus Cabang Istimewa Nahdlatul Ulama (PCINU) Brunei Darussalam menjadi wadah untuk memperkukuh jalinan ukhuwah khususnya melalui pengisian keagamaan, kebajikan dan kemasyarakatan.

Majlis berkenaan berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Achmad Ubaedillah.

Majlis dimulakan dengan semakan Al-Quran Juzuk 29, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, lantunan ayat suci Al-Quran, persembahan Selawat Asghil serta tayangan *slide show* 'Meniti Sinar KMB'.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Antara pengisian majlis seterusnya ialah persembahan Selawat daripada PCINU dan tazkirah bertajuk 'Berkat Silaturahmi Membawa Ke Jannah' yang disampaikan oleh Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Haji Harapandi Dahri.

Sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan, majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan derma kasih kepada 30 anak yatim yang mengikuti kelas pengajian di bawah bimbingan KMB.

Ketua KMB, Dayang Hajah Florinda binti Haji Mejenis, semasa ditemui Pelita Brunei, antara lain menekankan kepentingan mengimarahkan usia dengan aktiviti keagamaan, kebajikan dan kemasyarakatan.

Jelasnya lagi, KMB yang ditubuhkan pada 2014 kini memasuki tahun ke-12 dan

mempunyai kira-kira 300 ahli aktif.

Beliau seterusnya menambah, kumpulan berkenaan terus menganjurkan kelas pengajian, bacaan Al-Quran dan tazkirah selain melibatkan warga emas, golongan belia serta anak-anak yatim dalam pelbagai kegiatan.

"KMB turut menyediakan kelas pengajian secara percuma kepada anak-anak yatim bermula daripada peringkat Iqra hingga Al-Quran.

"Mereka juga diberikan peluang untuk terlibat dalam pengurusan majlis sebagai sebahagian daripada usaha mendidik dan membentuk rasa tanggungjawab dalam diri mereka," ujarnya lagi.

Kerjasama KMB dan PCINU berkenaan diharap akan terus diperkukuh dan diperluaskan termasuk menerusi perancangan KMB untuk mengimarahkan Ramadan tahun hadapan dengan aktiviti keagamaan dan kebajikan secara berterusan.



JPM semarakkan Majlis Dikir Maulud di Temburong



SETIAUSAHA Tetap di JPM hadir selaku tetamu kehormat semasa menyempurnakan penyerahan sumbangan wakaf kepada pegawai masjid berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, suasana pada majlis tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TEMBURONG, Sabtu, 22 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah / 2026 Masihi ke Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, hari ini dalam menyemai semangat kecintaan terhadap Junjangan Besar Nabi Muhammad Sallallahu

Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Setiausaha Tetap di JPM, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail yang juga mengetuai rombongan berkenaan.

Terdahulu, penyerahan sumbangan wakaf disempurnakan oleh Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani kepada masjid berkenaan yang diterima oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid,



Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini sebagai antara usaha menyemarakkan amal kebajikan dan kegunaan masjid.

Sejurus pukul 6.31 petang, azan Maghrib berkumandang diikuti menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Muhammad Syahmi dan seterusnya majlis dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu khas majlis.

Suasana masjid kemudiannya bergema dengan alunan Dikir

Syarafil Anam yang dimulakan dengan Assalamualaika oleh rombongan dan jemaah masjid berkenaan.

Majlis terus diimarahkan dengan Dikir Marhaban yang menghidupkan suasana penuh rasa kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat III masjid berkenaan, Awang Norezam bin Zaini yang juga mengimamkan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan komitmen berterusan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam menyemarakkan syiar Islam, di samping menyuburkan rasa kasih dan penghormatan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam.

Pada tahun ini, Majlis Dikir berkenaan dianjurkan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, JPM selaku Pengerusi Majlis, dengan kerjasama Biro Pencegah Rasuah dan Jabatan Kehakiman Negara.

سروک سړي

فرجواغن دان قغوربانن رسول الله ﷺ دالم میبارکن دعوه اسلام

برتوکل سقنوهن کشف الله سبحانه وتعالى. سفتنج فرجالن هجرة کمدينة، بکیندا منمشوه بهایا دکوا نور، مندریتا کلتهین یغ لوار بیاسا دان دکجر موسوه سیاغ دان مالم یغ ماهوکن کفلا بکیندا.

سلسل برهجره کمدينة، دعوه بکیندا داوحي قولا دغن سړي فقرغن یغ مقرتاروهکن پاوا سقرتي فرغ بذر، اُحد دان خندق. دالم فرغ اُحد، بکیندا مغالي کجدران فاره، کیکي کراهم بکیندا فاته دان واجه بکیندا یغ سوجي باسه برلومورن داره عقیبه مقرتاهنکن دعوه اسلام. رسول الله ﷺ میبارکن اکام اسلام دغن فته کصیرن یغ لوار بیاسا. بکیندا تیدق قرنه بمبالس کجاهن دغن کجاهن، سبالیقن بمبالسن دغن کاسیه سایغ. بکیندا تله لاما منولق تاورن هرتا، تقنا دان وانبنا درفد قوم قریش دمی مقرتاهنکن اکام اسلام. دمی ممستیکن نعمت ایمان دان اسلام سلامت سفاي کدالم دادا کیت هاري این

جماعه یغ درحمتي الله،

رنوغکنله کمبالي بناف کاسیهن رسول الله ﷺ کشف کیت. بکیندا بوکن سهاج تله برقریان تناک، ماس، دان هرتا ماله سغکوف مهادفي قلباکاي جابران دان فندریان دمی میمقایکن دعوه اسلام کشف سلوروه اومت مانسي. اولیه یغ دمکین، سباکاي تندا کشوکورن کیت یغ تله دانوکرهکن دغن نعمت اسلام دان ایمان حاصل دري فرجواغن دان قغوربانن بکیندا، مک کیت سباکاي اومت اسلام هندقله منجاک سرتا ملبهارا کسوجین اکام اسلام دغن ماثوهي سکلا قرینته الله سبحانه وتعالى، منجاوهي لاراغنن دان مغمملکن اجران اسلام دالم کهیدوفن سهارین. سلاین ایت، اومت اسلام جوک برتغکوئجواب میبارکن نیلای-نیلای مورني اسلام ملالووي اخلاق یغ بایک، سالیغ مغمرمین دان منجاوي جونته یغ فوسیتیف دالم مشارکت. دغن دمکین، اکام اسلام اکن تروس ترقلیهارا دان برکمیع سقرتي یغ دفرجواغنک اولیه رسول الله ﷺ.

یقلته بهاوا رسول الله ﷺ تله برقریان سکلا-کلان دمی میمقایکن اسلام کشف کیت. مک اومت روکیلک جک کیت مهابایکن سوروهن اکام کیت، تیدق منجاک اخلاق اتاو لیه مغاوتامکن اوروسن دنیا سهیغک ملوفاکن اجران بکیندا.

سموک الله سبحانه وتعالى منجاویکن کیت سمو دالم کالغن اومت یغ ینر-ینر منجیتای رسول الله ﷺ، مغورنیاکن کفوانن اونتوق استقامه مغهیدوفکن سنة بکیندا دان ترکولوغ اورغ-اورغ یغ منداقت شفاعه بکیندا داخیره کلق، ان شاء الله آمین یا رب العالمین.

دمی سسوغکوهن تله داتغ کشف کامو ساورغ رسول (نبي محمد ﷺ) درفد کولوغن کامو سندیری، یغ ساعت مغمبیل برت ترهادف کسوسهن یغ کامو تفکوغ، یغ مغایهینکن کیایکن کشف کامو، ساعت بلس کاسیهن لاکي فغاسیه ترهادف اورغ-اورغ برلمان. {سورة التوبة آیه: ۱۲۸}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

کسقولوه سلفس کتین بکیندا، سهیغکاکن تاهون ترسیوت ترجات دالم سجاره اسلام سباکاي عَامُ الْحَزْنِ یایت تاهون کسدیهن.

سوغکوه فون باف سودارا بکیندا أبو طالب ایت تیدق ملوق اکام اسلام، بلیاو سنتیاس مقرتاهنکن رسول الله ﷺ درفد اُجمن دان تکنن قوم قریش. کتبادانن مروفاکن کهیلغن فلیندوغ اوتام یغ سلاما این ممنتو بکیندا دري مغلایغ قوم قریش درفد منجدران بکیندا. ایتفکن فیندسن ترهادف اومت اسلام منجاوي سماکین اُکریسیف دان برت کران تیاد لاکي توكوه یغ دسکي اونتوق مقرتاهنکن رسول الله ﷺ. اولیه کران ایت بکیندا براس ساعت سدیبه کران کهیلغن انسان یغ باقی برجاس دالم هیدوف بکیندا.

ماناکلا سیدتنا خدیجة رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فولا اداله ساورغ اِسْرِي یغ سنتیاس منجورهن کاسیه سایغ، تیدق فوتوس-فوتوس مبري سوکوغن مورل سرتا مغوربانکن سلوروه هرتا ککایانن اونتوق ممنتو فرجواغن شعار اسلام. اولیه ایت، کوفانن بلیاو جوک مبري کسن یغ اُمت مندام. بکیندا بوکن سهاج کهیلغن غن هیدوف یغ فالیغ ستیا، کهیلغن ثقت برکوغسي کسوسهن دان مقراولیه کتغن. بهکن کهیلغن اورغ یغ سنتیاس منجاوي سومیر کفوانن کتیک وحی مولا دتورونکن دان کتیک بکیندا مهادفي تنغن مشارکت مکة. مک کسن دري کهیلغن کدوا-دوا فلیندوغ دان فوکوگ قوات بکیندا ایت، بکیندا تروس مهادفي تکنن یغ لیه هیبت درفد قوم قریش. اکن تباي والاوفون داوحي دغن کهیلغن دوا انسان یغ فالیغ رافت، بکیندا تنف تابه، صبر دان منروسکن دعوه کشف اومت مانسي. الله سبحانه وتعالى برفرمان کشف بکیندا اگر تیدق ترلالو برسديه کران کاغکنن مانسي منریما دعوه. فرمانن این ترکاندوغ ددالم سورة الکهف آیه 6:

مک بارغکالي موغین اغکاو (واهاي نبي محمد) اکن مروسقن دیرمو کران منغکوغ دوکاجیتا دسبیکن مریک برفالیغ درفد مو (دان) مریک تیدق برلمان کشف کوزغن (القرآن) این.

جماعه یغ درحمتي الله،

دالم اوسها بکیندا منجاوي قرلیندوغن دان سوکوغن دعوه دلوار مکة، بکیندا تله مغالیهکن فندغن ملغکه فرکي کطایف دغن برجالن کاکي. نامون، دعوه بکیندا بوکن سهاج دتولق، ماله بکیندا دسورق دان دبالیغ دغن باتو اولیه فندودوق طایف سهیغک کاکي بکیندا برلومورن داره.

دساعت بکیندا منغکوغ کساکین ایتله داتغ ملانکه مناورکن بنتوان اونتوق مغمقف کونوغ کانس فندودوق طایف، نامون لیتهله صفة بکیندا، دغن صفة رحهمن منولق تاورن ترسیوت، ماله مندهاکن اگر کتورونن مریک کلق میمه الله سبحانه وتعالى. بناف بسر فرجواغن دان قغوربانن دمی مقرتاهنکن شعار اسلام. رسول الله ﷺ اخیون ملغکه فرکي منغکلکن تانه ایر ترجیتا مکة، ثقت بکیندا دلاهرکن کران اُجمن بوتوه یغ منني. بکیندا ملغکه کلوار دري رومه دالم کادان دکشوغ رافت اولیه قارا فمبونوه، نامون جیوا بکیندا تنف تنغ

جماعه یغ درحمتي الله، برتقوی له کیت کحضرة الله سبحانه وتعالى دغن منیغکنکن کلیمانن کفدن. سسوغکوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله سبحانه وتعالى ایت ایاله اورغ یغ فالیغ برتقوی. موده-مودهن کیت منجاوي انسان یغ سنتیاس مغایغی الله سبحانه وتعالى، براوله کجیان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخیره.

جماعه یغ درحمتي الله،

سسوغکوهن ساله ساتو رحمة الله سبحانه وتعالى یغ کیت نعمتي دان شکوري قد هاري این ایاله نعمت اسلام دان ایمان. نعمت این تیدق داتغ دغن موده، دان تیدق دفراولیهی دغن سنغ بهکن ای حاضر ملالووي فرجواغن یغ امت برت، منونتوت قغوربانن یغ بسر سرتا فندریان یغ دلالووي اولیه جونجوغن بسر نبي محمد ﷺ. بکیندا داوتوس برسام رساله اسلام، میبارکن رحمة کشف سلوروه عالم. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الانبياء، آیه ۱۰۷:

دان کامي تیدق مغوتوس اغکاو (واهاي نبي محمد) ملاینکن اونتوق منجاوي رحمة باکي سکالین عالم.

سجاره اسلام منجاتکن بهاوا فرجالن دعوه رسول الله ﷺ مروفاکن فرجواغن یغ برلیکو-لیکو فته دغن اوجین، کصیرن دان قغوربانن یغ لوار بیاسا. بکیندا تیدق هان بردعوه دغن کات-کات، تنافي جوک منظاهرکن ملالووي دغن کلاددن دان کتابهن هاتي یغ ملمقاوي باتس کممقوان مانسي بیاسا.

کتیک رسول الله ﷺ منریما قرینته اونتوق بردعوه سجارا ترغ-ترغن. ریاکسي قوم قریش یغ تاکوت کهیلغن کلدودوقن دان ترادیسی نینیک موغ مریک ساعت مندو کاجیتاکن. سروان بکیندا دسمیوت دغن کبجین یغ مندام. بایغکنله سلاما تیک تاهون، رسول الله ﷺ برسام کلوارک بني هاشم، بني المطلب دان قعیکوت بکیندا دسیسیه دان دقولاوکن دثعب ابي طالب. مریک دلارغ برحوال بلي، سکلا تالین ایکونومي دفوتوس دان اینترکسي دغن اورغ لاین دسکت، سهیغک مریک ترفقسا ماکن داو-داونن دان کولیت کایو اونتوق برتاهن هیدوف کران کلافرن یغ ساعت هیبت.

تیاد هاري تنفا اوجین باکي رسول الله ﷺ بکیندا سرین دجاجي، دهینا، ماله دفرلاکوکن دغن کاسر. کمونجی کظالیمن مریک، اقبیل سواتو کتیک بکیندا سدغ سمیهیغ ددغن کعبه، قوم قریش دغن هاتي یغ یوسوق تله ملتقن کوتورن دان ايسي فروت اوتا یغ تله دسمبله داتس بلاکغ بکیندا کتیک بکیندا سدغ سوجود. سوغکوه فون کترلالوان فربواتن مریک ایت، بکیندا تنف تابه دان صبر منریما فقهینان این.

جماعه یغ درحمتي الله،

لییه کورغ ۱۳ تاهون بردعوه دمکه، قلباکاي فریستیوا تله بکیندا عالمي، این ترماسوقله کوفانن باف سودارا بکیندا أبو طالب دان اِسْرِي بکیندا سیدتنا خدیجة رَضِيَ اللهُ عَنْهَا یغ مروفاکن انتارا فریستیوا فالیغ مبدیهکن دالم کهیدوفن رسول الله ﷺ. کدوا-دوان منیغکل دنیا قد تاهون یغ سام، سکیت تاهون

MOU PERKUKUH KERJASAMA EKONOMI, LUASKAN PERTUKARAN KOMERSIAL BRUNEI, MALAYSIA



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi dan Perdagangan), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin semasa hadir dan menyaksikan majlis penandatanganan berkenaan (atas kanan dan atas).

ANGGEREK DESA, Sabtu, 22 Ogos. - Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Brunei Darussalam (NCCIBD) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) pagi tadi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang diperbaharui untuk memperkukuh kerjasama ekonomi dan meluaskan pertukaran komersial antara komuniti perniagaan kedua-dua negara.

Majlis penandatanganan berkenaan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Perdagangan), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, selaku tetamu kehormat, bertempat di Dewan Utama, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Bangunan Rekaan

dan Teknologi, Anggerik Desa, di sini.

MoU berkenaan ditandatangani bagi pihak dua dewan kebangsaan dan majlis perniagaan masing-masing - Majlis Perniagaan Brunei Darussalam-Malaysia (BDMBC) dan Majlis Perniagaan Malaysia-Brunei Darussalam (MBDBC).

Menandatangani bagi pihak Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Timbalan Presiden NCCIBD dan Pengerusi BDMBC, Awang Haji Musa bin Haji Adnin; dan Naib Presiden NCCIBD, Awang Haji Abdul Halim bin Haji Saim.

Manakala, menandatangani bagi pihak Malaysia ialah Presiden NCCIM, Norsyahrin Hamidon; dan Pengerusi MBDBC, Raja Dato' Sri Muflik Affandi Raja Khalid.

Di bawah memorandum yang diperbaharui, kedua-dua dewan

berkenaan akan menggalakkan dan memudahkan aktiviti yang membangunkan kerjasama ekonomi dan mempromosikan pertukaran komersial antara syarikat di NBD dan Malaysia.

Ini termasuklah memudahkan perjanjian kerjasama komersial dan ekonomi antara syarikat yang berminat, bertukar maklumat mengenai perdagangan asing, peluang pengeluaran dan eksport, pelaburan dan trend pasaran, serta mengenai perundangan ekonomi dan komersial yang terpakai di setiap bidang kuasa.

Dewan-dewan juga akan membantu satu sama lain dalam menganjurkan dan menyokong penyertaan syarikat dalam pameran, pesta perdagangan dan aktiviti serupa di kedua-dua negara, dan akan menggalakkan pertukaran delegasi perdagangan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



dan misi perniagaan, menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk membangunkan hubungan perdagangan antara dua komuniti perniagaan.

Pembaharuan memorandum ini mencerminkan persahabatan abadi antara NBD dan Malaysia, dan keyakinan komuniti perniagaan kita antara satu sama lain, jelas Timbalan Presiden NCCIBD dan Pengerusi BDMBC.

"Tugas kita sekarang adalah untuk mengubah rangka kerja ini kepada projek dan perkongsian konkrit yang mewujudkan peluang sebenar untuk syarikat di kedua-dua pihak," tambahnya.

Sementara itu, Norsyahrin Hamidon menjelaskan Malaysia dan NBD mempunyai hubungan ekonomi yang erat, dan masih banyak lagi yang boleh dilakukan

bersama dalam perdagangan, pelaburan dan kerjasama perindustrian.

"Melalui Majlis Perniagaan Bersama dan dua cabang kebangsaannya, kami berhasrat untuk mendekatkan ahli-ahli kami dan memadamkan keupayaan dengan peluang," ujarnya lagi.

Majlis penandatanganan berkenaan akan disusuli dengan majlis makan malam sambutan yang akan dihoskan pada 21 Ogos 2026 bagi delegasi Malaysia yang berkunjung.

Kedua-dua dewan kini akan bekerja melalui BDMBC dan MBDBC untuk membangunkan program kerjasama, termasuk misi perniagaan, penglibatan khusus sektor dan penyertaan dalam acara perdagangan di kedua-dua negara.

Program pakar padi hibrid sokong pengukuhan industri padi NBD



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 22 Ogos. - Program Nasihat Pakar mengenai Pembiakbakaan Padi Hibrid dan Pengeluaran Benih Padi di Negara Brunei Darussalam (NBD) atau 'Expert Advisory Program on Hybrid Rice Breeding and Seed Production' dirasmikan, pagi tadi, bertujuan untuk memperkukuh kapasiti dan kepakaran tempatan dalam bidang berkenaan.

Usaha tersebut dihasrat akan dapat memastikan kejayaan berterusan penggunaan teknologi padi hibrid di negara ini termasuk dalam mendukung penubuhan Pusat Penyelidikan Padi Hibrid di NBD.

Program itu merupakan sebahagian daripada kerjasama berterusan antara NBD dan Republik Rakyat China dalam bidang pertanian.

Perasmianya disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim, di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan.

Turut hadir, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun;



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim semasa hadir pada majlis tersebut dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas).

Timbalan Setiausaha Tetap (Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan), KEPI, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dr. Diana Dennis; pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan di bawah KEPI; serta para peserta program.

Program tersebut dilaksanakan di bawah bantuan teknikal dari Kerajaan Republik Rakyat China dan diungkuhkan bersama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Ia akan dilaksanakan selama satu tahun, bermula 18 Ogos 2026 hingga 17 Ogos 2027 di NBD.

Dua orang pakar kanan dalam bidang pembiakbakaan padi dan pengeluaran benih padi hibrid dari Longping High Tech Agriculture Co. Ltd. akan mengendalikan program berkenaan.

Program itu turut melibatkan pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta tenaga pengajar dan penyelidik daripada institusi - institusi pengajian tinggi termasuk

Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Kampus Agroteknologi).

Melalui kerjasama berkenaan, inisiatif KEPI untuk meningkatkan produktiviti padi di NBD dihasratkan dapat diperkukuhkan khususnya di kawasan ladang berpengairan dan tadahan hujan melalui penggunaan varieti-varieti padi hibrid yang unggul dan berhasrat tinggi bagi memastikan kedayatahan industri padi di negara ini.



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka semasa hadir pada acara tersebut (atas). Sementara gambar kanan, antara persembahan pada acara berkenaan.

JERUDONG, Sabtu, 22 Ogos. - Bermula dari 22 hingga 24 Ogos, Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengalu-alukan kehadiran pemain piano dan komposer, Endo Seiji serta pemain alat muzik bertali tiga (Tsugaru shamisen) dari Jepun, Asano Sho ke NBD bagi menyertai siri acara pertukaran muzik dan kebudayaan.

Sehubungan itu, persembahan 'Piano & Shamisen Performance – Echoes Across Borders : Japan's Classic & Contemporary Music' telah diadakan di Pusat Kesenian Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS Arts Centre) dengan kerjasama Brunei Music Society,

Brunei Japanese Alumni Association dan Kanadebito.

Acara berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka.

Asano Sho telah mempersembahkan lagu-lagu rakyat Jepun yang menyentuh jiwa seperti Tsugaru Jongara Bushi, dengan teknik permainan shamisen yang sangat mengagumkan. Sementara itu Endo Seiji pula

USAHA MEMPERKUKUH PERTUKARAN KEBUDAYAAN MELALUI BAHASA UNIVERSAL MUZIK

mempersembahkan karya-karya piano yang penuh ekspresi dan mendalam hasil ciptaannya sendiri, yang mendapat inspirasi daripada The Tale of Genji, salah satu novel terawal dalam sejarah dunia yang ditulis oleh seorang wanita istana Jepun, Murasaki Shikibu pada awal abad ke-11.

Lebih 700 orang telah dijemput untuk menghadiri acara berkenaan secara percuma, termasuk para belia tempatan. Acara berkenaan menjadi satu peluang yang amat berharga untuk memperkenalkan muzik dan kebudayaan Jepun kepada masyarakat NBD secara lebih meluas.

Satu bengkel muzik untuk belia akan dijadualkan berlangsung pada 23 Ogos 2026 di Kedutaan Jepun di NBD dengan kerjasama Brunei Music Society, khusus untuk para pelajar yang sedang mengikuti pengajian muzik di NBD.

Sementara itu pada 24 Ogos pula, satu bengkel dan persembahan muzik akan diadakan dengan kerjasama KKBS, yang menampilkan



kumpulan muzik tradisional NBD, Senandung Budaya dari KKBS, bersama kedua-dua pemuzik dari Jepun berkenaan.

Acara berkenaan memberikan peluang kepada para peserta untuk mengenali alat muzik shamisen, di samping memperdalam pemahaman mereka mengenai alat-alat muzik tradisional NBD.

**Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad**

Melalui persembahan bersama yang mengetengahkan muzik rakyat daripada kedua-dua buah negara, acara berkenaan telah menyumbang kepada usaha memperkukuh lagi pertukaran kebudayaan antara Jepun dan NBD melalui bahasa universal muzik.

Keadaan cuaca diramal panas, kering sehingga hujung bulan

**Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada dalam Monsun Barat Daya, yang lazimnya akan berterusan sehingga hujung September 2026.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di Negara Brunei Darussalam lazimnya lebih stabil, menyebabkan cuaca yang agak panas dan kering serta hujan dan hujan petir kurang berlaku.

Sejak 6 Ogos yang lalu, tiada turunan hujan yang signifikan direkodkan di Stesen Pencerapan Cuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Setakat ini, jumlah turunan hujan yang direkodkan bagi Ogos 2026 adalah sebanyak 117.8mm, iaitu sekitar 51 peratus lebih rendah berbanding jumlah purata normal bagi Ogos, iaitu 231.5mm.

Negara Brunei Darussalam telah mengalami keadaan cuaca panas melampau sebanyak 14 hari pada bulan ini iaitu pada 8 hingga 21 Ogos 2026. Bagi bulan ini, beberapa Stesen Pencerapan Cuaca Automatik, Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam telah merekodkan suhu maksimum harian tertinggi sekurang-kurangnya 35.0 darjah Celsius di beberapa tempat.


Pada Jumaat, 21 Ogos 2026, terdapat 1 kawasan telah merekodkan keadaan cuaca panas melampau iaitu Anggerek Desa; manakala terdapat 10 kawasan lain yang telah merekodkan suhu cuaca panas luar biasa iaitu LTAB, Bandar Seri Begawan, Benutan, Kuala Belait, Labi, Lakiun, Lumapas, Pekan Bangar, Pekan Tutong dan Sinaut.

Keadaan cuaca diramalkan panas dan kering dengan aktiviti

turunan hujan yang minimum sehingga hujung bulan ini dengan sedikit berjerebu disebabkan oleh jerebu rentas sempadan. Manakala, suhu maksimum harian dijangkakan berada dalam lingkungan 33 darjah Celsius hingga 36 darjah Celsius.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil perhatian dan seterusnya mengambil langkah-langkah berpatutan berikutan keadaan cuaca panas dan kering.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114. Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.met.gov.bn serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook (@bruneiweather), Instagram (@brunei.weather), Telegram dan WhatsApp (Brunei Weather').



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2026
- 2.'Membentuk Peribadi Mulia Berpandukan Sunnah Rasulullah'. Tarikh Tutup : 2 September 2026
- 3.'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 9 September 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / MAB / TA / 003
Pembelian Penggantian Peralatan Fortigate Bagi Akademi Pertahanan ABDB Dan Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran:
Seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 8 September 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026,
2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MOE / LTK / 38 / 2026 / 2027 (JPPE - OGOS - 2026)
Repainting And Upgrading To Flat Kelas C, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
Kelas II
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
KA01 & B01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND30.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 8 September 2026

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 15 September 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / T / 003-GEN
Proposed Design And Build of New Minaret For Surau At Berakas, Tutong and Lumut Camp

Kelas:
III dan ke atas

Kategori:
KA01 dan B01

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir Bagi Pembelian Borang Tawaran:
Seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 29 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Oktober 2026
2.00 Petang



KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :
KEPI / LTK / BTI / 02 / 2026-2027
Leasing Of Heavy Duty Printers Inclusive Of Toners, Maintenance And Support Services For The Ministry Of Economy, Trade And Industry

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa
22 September 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / T / 001 – TL (JPPK / LTK / 13 / 2025)
Proposed Design And Build Of Jetty At POLMAR PPDB Forward Operating Base A06 At Muara

Kelas:
III dan ke atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyediaan Kerja:
6 Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran:
Seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 29 September 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Oktober 2026
2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Hadiah-Hadiah Bagi Acara-Acara Program Pembangunan Diri (Sukan, Perbarisan Dan Kerohanian)
Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan,
Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga :
08 / 2023 / KKBS / PPB / 12

Tarikh Tutup :
Khamis, 27 Ogos 2026

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

No. Bilangan:
04 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Katok
Daerah Brunei dan Muara

No Lot:
Lot A

Keluasan:
2 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman sayur-sayuran menggunakan teknologi tinggi / moden (Greenhouse, Fertigasi, Hidroponik, Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin, 24 Ogos 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin, 21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu, 17 Oktober 2026,
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



No. Bilangan :
05 / 2026

Keterangan Tapak:
Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Katok
Daerah Brunei dan Muara

No. Lot:
Lot B

Keluasan:
2 hektar

Syarat:
Perusahaan Tanaman Pelbagai Tanaman (Jagung, Umbisi, Herba) menggunakan teknologi tinggi / moden (Greenhouse, Fertigasi, Hidroponik, Pengairan Titis dan lain-lain)

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin, 24 Ogos 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin, 21 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu, 17 Oktober 2026,
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0026 / 2026 / 2027
Supply, Delivery And Installation Of Scientific Laboratory Equipment (Microplate Spectrophotometer)
For Ibnu Sina Scientific Laboratory Centre (ISSLC),
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
Sinaut Campus

UNISSA / SB0027 / 2026 / 2027
Supply And Delivery Of Agricultural Fertilisers
For The Third Paddy Planting Cycle Under The Sub-Category Of Dolomite And Miscellaneous Consumables
For Creates Research Project Titled "Improving Soil Quality, Paddy Yield And Paddy Farmers' Profit Using Organic Conditioners From Chicken Dung (Unissapaddy-26)"

UNISSA / SB0028 / 2026 / 2027
One (1) Year Rental Photocopy

Machines For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) At Gadong And Sinaut Campus

UNISSA / SB0029 / 2026 / 2027
The Provision Of Maintenance Services And Refill For Fire Extinguishers At Gadong Campus, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) – [Class: 1 & Above] & [Category: KPME05]

UNISSA / SB0030 / 2026 / 2027
The Provision Of Maintenance Services And Refill For Fire Extinguishers At Sinaut Campus, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) – [Class: 1 & Above] & [Category: KPME05]

Tarikh Tutup :
Rabu,
2 September 2026





JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
RTB / 06 / 2026

Tajuk Tawaran:
The Leasing Of Desktop Computers And Laptops With Related Support And Services For Radio Televisyen Brunei For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)
(Termasuk E-Dokumen)

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 September 2026, Jam 2.00 Petang



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 98 / 26 – 27
Video Klip Dramatise

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 99 / 26 – 27
Video Klip Berunsur Dakwah

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 100 / 26 – 27
Penggambaran Dan Penyuntingan Filler Keugamaan

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
(Termasuk E-Dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
2 September 2026,
Jam 2.00 petang



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI

Kelas & Kategori :
II, S06

Bilangan :
SPA / BPK / SBH / 05 / 2026

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 17 Ogos 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Khamis, 27 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis, 3 September 2026

Yuran Tawaran :
BND5.00 Tunai
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 107 / 26-27
Supply And Delivery Of Video Mixer For TV Studio

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
(Termasuk E-Dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika Perlu dan Tidak Dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu, 2 September 2026,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kelas :
V Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa, 25 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 8 September 2026
Tidak Lewat dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 025 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja 'ADHOC', Protokol Dan Serta Merta, Daerah Belait.

No. Projek :
2026ADKB / 2106 / 002 - 001 - 002

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-



Bilangan Tawaran:
RTB / 07 / 2026

Tajuk Tawaran:
Replacement Of Cooling Tower Tank No.1 At Radio Television Brunei Sungai Akar Broadcasting Complex

Bayaran Yuran:
BND10.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Bilangan Tawaran:
RTB / 08 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Deliver Of 3G-SDI O/E Headend Equipment For Diamond Jubilee Celebration Of His Majesty's Accession To The Throne

Bilangan Tawaran:
RTB / 09 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Install, Testing, Commissioning & Training Of Portable IP-Broadcasting System For Diamond Jubilee Celebration Of His Majesty's Accession To The Throne

Bayaran Yuran:
BND50.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 September 2026,
Jam 2.00 Petang



JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Perkhidmatan bagi Mencetak, Membekal dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan bagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi Tempoh Selama Sepuluh (10) Bulan

Bilangan Sebut Harga:
JMM / JKSH / 2026 / Q & T / 15

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 September 2026



JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi:
Next Generation Integrated Weather Analysis, Forecast And Warning System

Bilangan Tawaran:
JKBD / RKN / 1213 - 012

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026,
Sebelum Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
21 / OGOS / 2026 / KKBS / HSSE / SECURITY / GV

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Tiga Puluh Enam Bulan (24 Bulan + 12 Bulan Tambahan)

Bagi Bangunan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Jabatan Belia Dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak akan dikembalikan)

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Sabtu, 5 September 2026,
Jam 11.00 Pagi

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 September 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
S02

Tarikh Buka Tawaran pada :
Khamis, 20 Ogos 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 8 September 2026

Tarikh Tutup Pada :
Selasa, 15 September 2026,
Sebelum Jam 2.00 Petang

JASTRE / BL / T012 / 2026
Kerja-Kerja Pemetongan Rumput Dan Pembersihan Di Kawasan 'MEDIAN' Dan Kawasan Terpilih Di Sepanjang Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah Bagi Tempoh Dua (02) Tahun (FSOR).

No. Projek:
JASTRE / BL / T012 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)





**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01
Replacement of Lighting
on High Mast no.7 - Apron Cargo,
Brunei International Airport
AME / 2026 - 2027 / SH - 33
(kelas V atau ke atas)

Tawaran No. 02
Corrective Maintenance Works for
AGL Generator System
at Brunei International Airport
AME / 2026 - 2027 / SH - 40
(kelas III atau ke atas)

Tawaran No. 03
To Supply,
Install And Replace
Faulty Power Cable for
Street Lighting at Perimeter 03
Service Road - Brunei
International Airport
AME / 2026 - 2027 / SH - 41
(kelas III atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Rabu,
12 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Selasa, 25 Ogos 2026,
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 26 Ogos 2026



**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
PPB / QTN / JK / PR / 2026 / 01

Tajuk Tawaran:
The Provision Of Digital Media
Services For Jelajah Kerjaya 2026

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Tutup:
Rabu, 26 Ogos 2026,
Jam 9.00 Pagi



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**DA / JKSH / 93 / 2025 / 2026
[HSE-OGOS-2026]**

Sebut Harga Pengendalian
Kursus Occupational
First Aider Bagi Pegawai Dan
Kakitangan Kementerian
Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 29 Ogos 2026,
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 041 / 2026

Tajuk:
Dismantling And Transportation
For Power Transformer #3 At
Katok Substation And Installation
At Sungai Liang Substation
Including Associated Works

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 September 2026
Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BN30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan, Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA
SERI BEGAWAN**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PBD /
01-08 / 2026-2027
Membekal Jamuan
Makan Dan Minum Mesyuarat
/ Majlis-Majlis /
Lawatan Bagi Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan
Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PBD /
02-08 / 2026-2027
Perkhidmatan Bagi Pengambilan,
Penghantaran
Dan Dry Cleaning Jubah
Akademik Bagi Ahli Majlis &
Ahli Senat Sempena Majlis
Konvokesyen Kolej
Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan Ke-16
Bagi Tahun 1448h/2026m

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PBDT / 01-08 /
2026-2027
Membekal Jamuan Makan Dan
Minum Seminar / Aktiviti /
Kursus / Bengkel Bagi
Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan
Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KUPU SB / JKS / PBDT /
02-08 / 2026-2027
Menghantar Dan Membekal
Aksesori Termasuk
Perkhidmatan Penyelenggaraan
Jubah Akademik Sempena
Majlis Konvokesyen
Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan Ke-16
Bagi Tahun 1448H / 2026M

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**
KUPU SB / JKS / PBDT / 03-08 /
2026-2027
Perkhidmatan Bagi Pengambilan,
Penghantaran
Dan Dry Cleaning Jubah
Akademik Sempena
Majlis Konvokesyen
Kolej Universiti Perguruan Ugama
Seri Begawan Ke-16
Bagi Tahun 1448H / 2026M

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
13 Rabiulawal 1448H /
26 Ogos 2026M,
tidak lewat
jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
21 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)
- R

Disposal Of Chemical Wastes
Including Collection
And Transportation Services
From Conservation Section,
Museum Department

Tarikh Tutup:
Selasa, 3 September 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**
JPA / AME / 2026-2027 / 01
Rubber Deposit Removal
to Brunei International
Airport Runway
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh terakhir
mengambil dokumen
Sebut Harga:**
Isnin,
7 September 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa
8 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Tingkat 4,
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan
BB3910,
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Makluman
Sebut Harga**

**DA / JKSH / 94 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji,
Mentauliah Serta Memulihara
Sistem Kawalan Keselamatan
Kamera Litar Tertutup (CCTV)
Dan Sistem Penggera
Keselamatan Bagi Sekolah
Rendah Pengiran Kesuma Negara
Bukit Beruang,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan

**DA / JKSH / 95 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**
Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji, Mentauliah
Serta Memulihara Sistem Kawalan
Keselamatan Kamera Litar
Tertutup (CCTV) Dan Sistem
Penggera Keselamatan Bagi
Sekolah Rendah Rataie,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan

**DA / JKSH / 96 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**
Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji, Mentauliah
Serta Memulihara Sistem Kawalan
Keselamatan Kamera Litar
Tertutup (CCTV) Dan
Sistem Penggera Keselamatan
Bagi Sekolah Rendah Tumpuan
Telisai,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan

**Bayaran Yuran
Sebut Harga:**
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
5 September 2026
Jam 9.00 Pagi

Kategori:
Syarikat-Syarikat Yang Diterima
Adalah Syarikat-Syarikat Yang
Berdaftar
Di Bawah Kawalan Bahagian
Pelesenan Agensi Pengawal
Keselamatan (BPAPK),
Pasukan Polis Diraja Brunei.



IMBASAN MINGGUAN

KELIHATAN kanak-kanak berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang terpilih menyertai Program 'Freem 55th Anniversary : A Flight to Remember' yang dianjurkan oleh Freem Travel Services Sdn. Bhd. semasa memasuki penerbangan sewa khas pesawat Royal Brunei Airlines. - Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland.

SEKITAR Majlis Bercorak keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

PARA graduan yang diraikan pada Majlis Hafli Al-Takharrij Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-16 kelihatan begitu gembira atas kejayaan yang diraih. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

SUASANA pada Hari Terbuka yang berlangsung di Mukim Pengkalan Batu, Kampung Parit memberikan pelbagai maklumat dan perkongsian ilmu serta produk-produk yang bermanfaat berkaitan dengan pertanian dan agrikulturan kepada para pengunjung. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

AKSI peserta pada Kejohanan Tarik Kalat sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

AKSI semasa Pertandingan Kereta Tahan Lasak Pacuan 4 Roda sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 yang berlangsung di kawasan lapang Mahad Islam Brunei, Tutong. - Foto : Azmah Haji Ahad.

PERASMIAN PAPAN TANDA 'CARE IN A CODE'



Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, ihsan Kumpulan 1 Aider

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Projek Khidmat Masyarakat merupakan salah satu modul di bawah Program Eksekutif Muda Kohort Ke-11 (YEP-11), anjuran Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Sehubungan itu, bagi mencapai objektif projek tersebut, salah satu kumpulan peserta yang dikenali sebagai '1 Aider' petang tadi telah menganjurkan Majlis Perasmian Papan Tanda 'Care in a Code', yang menyediakan maklumat mengenai Tindak Balas Pertolongan Cemas Asas (Basic First Aid Response) bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian berkenaan ialah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan

Awam, Jabatan Perdana Menteri, Dr. Awang Norfarizal bin Othman.

Turut hadir ialah Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh dan pegawai-pegawai dari kedua-dua jabatan berkenaan. Majlis berkenaan turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Wasan Milling Company dan Berjaya Aman Sdn. Bhd. selaku syarikat-syarikat penaja projek berkenaan; serta wakil dari Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) sebagai pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan projek tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh wakil Kumpulan 1 Aider. Tetamu kehormat kemudiannya dijemput untuk merasmikan papan tanda

SEKITAR Majlis Perasmian Papan Tanda 'Care in a Code' yang menyediakan maklumat mengenai Tindak Balas Pertolongan Cemas Asas (Basic First Aid Response) bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas (kiri dan kanan).

'Care in a Code', diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada para penaja sebagai tanda penghargaan atas sokongan yang diberikan. Majlis kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Objektif utama projek ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pertolongan cemas asas dan intervensi awal; membantu masyarakat memahami tindakan yang perlu diambil semasa kecemasan; menghubungkan papan tanda fizikal dengan maklumat pertolongan cemas digital yang mudah diakses; serta menyokong Wawasan Brunei 2035 dengan menggalakkan lebih banyak isi rumah mempunyai individu yang terlatih dalam pertolongan cemas.

Papan tanda tersebut juga menyediakan maklumat mengenai lokasi Peti Pertolongan Cemas (First Aid Kit) dan 'Automated External Defibrillator' (AED). Inisiatif ini dirangka selaras dengan aspirasi pertama dan kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk Melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; serta Mencapai kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi.



Sokongan, disiplin kunci kejayaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Semangat kental dan disiplin tinggi membuahkan hasil apabila atlet Pasukan Taekwondo negara berjaya membawa pulang pingat gangsa dalam Temasya Sukan Malaysia XXII (SUKMA) yang berlangsung di Selangor, Malaysia, baru-baru ini.

Kejayaan Awang Muhammad Alwi Naqiuddin bin Md. Nordin bukan sahaja menjadi kebanggaan buat pasukan, malah membuktikan

kesungguhan atlet dalam mengharumkan nama pasukan di pentas pertandingan.

Awang Muhammad Alwi Naqiuddin ketika ditemui melahirkan rasa syukur dan gembira dengan pencapaiannya. "Alhamdulillah, meskipun meraih pingat gangsa, ia sangat bermakna bagi saya kerana ia adalah hasil daripada latihan, usaha dan pengorbanan yang dilakukan sepanjang persediaan untuk SUKMA ini," ujarinya.

Menurutnya, pingat ini sangat bermakna kerana ia membuktikan bahawa segala usaha dan pengorbanan selama ini tidak sia-sia di samping ia juga menjadi

motivasi untuknya terus berlatih dan berusaha mendapatkan pencapaian yang lebih baik pada masa akan datang.

Ketika ditanya mengenai persediaannya sebelum bertanding, beliau menjelaskan, persediaan banyak tertumpu kepada latihan fizikal, teknik, *sparring* dan juga persediaan mental termasuk menjaga disiplin latihan, pemakanan dan rehat agar dapat memberikan prestasi terbaik apabila turun bertanding.

Beliau turut mengongsikan antara cabaran utama yang dihadapinya adalah dari segi mental dan fizikal kerana setiap lawan mempunyai kekuatan dan gaya permainan yang berbeza. Selain itu tambahnya, tekanan pertandingan juga perlu dikawal agar kekal fokus dan tidak mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling.

Baginya, strategi atau teknik yang paling membantu dalam pertandingan adalah menjaga jarak dengan lawan, membaca pergerakan mereka dan mengambil peluang untuk



AWANG Muhammad Alwi Naqiuddin bin Md. Nordin semasa ditemu bual.



Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

[mkkjrbrunei](#) [www.mkkjr.gov.bn](#)

melakukan serangan balas dan paling penting ialah mendengar arahan jurulatih serta menyesuaikan strategi mengikut keadaan dalam gelanggang.

"Bagi pertandingan atau kejohanan yang akan datang tambahnya, sasaran saya akan untuk terus meningkatkan prestasi, memperbaiki kelemahan dan InsyaaAllah, memburu pingat emas dalam kejohanan yang akan datang. Saya tidak mahu berhenti setakat ini," ujarinya.

Beliau juga menasihatkan kepada yang berminat untuk menceburi Sukan Taekwondo, agar tidak takut untuk mencuba kerana Taekwondo bukan sahaja mengajar kita cara bertanding, tetapi juga disiplin, keyakinan diri, kesabaran dan semangat tidak mudah berputus asa. Yang paling utama katanya, teruskan latihan dan sentiasa hormat kepada jurulatih serta rakan-rakan.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada

jurulatih atas segala tunjuk ajar, pengorbanan dan kesabaran dalam membimbingnya, begitu juga kepada kedua ibubapa yang mana selama ini memberi dorongan, sokongan, semangat dan doa yang tidak pernah putus.

Tambahnya, ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan sepasukan, dan semua yang sentiasa memberikan sokongan, doa dan semangat. Pingat ini bukan hasil usahanya seorang, tetapi hasil sokongan semua pihak.

Beliau turut menaruh impian terbesar untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam Taekwondo untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa dan membawa pulang pingat untuk Negara Brunei Darussalam. Selain itu, beliau berharap suatu hari nanti dapat menjadi contoh dan memberi inspirasi kepada generasi muda untuk terus menceburi Sukan Taekwondo.

KEPUTUSAN PEPERIKSAAN BCGCE PERINGKAT 'O', IGCSE MEI/JUN 2026 DIKELUARKAN

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan memaklumkan bahawa keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) bagi Sesi Mei/Jun 2026 telah dikeluarkan.

Seramai 1,108 calon menduduki peperiksaan berkenaan, terdiri daripada 763 calon sekolah dan 345 calon persendirian.

Pada peringkat nasional, seramai 41 calon (3.70 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya

lima 'O' Level dan IGCSE, manakala 141 calon (12.73 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya empat 'O' Level dan IGCSE.

Dalam kalangan calon sekolah, seramai 41 calon (5.37 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya lima 'O' Level dan IGCSE, manakala 138 calon (18.09 peratus) memperoleh sekurang-kurangnya empat 'O' Level dan IGCSE.

Calon sekolah boleh mendapatkan slip keputusan masing-masing di sekolah. Calon persendirian pula hendaklah


mengambil slip keputusan di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan, pada waktu pejabat.

Pendaftaran Late Entry bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE Sesi Oktober/November 2026 dibuka sehingga Rabu, 2 September 2026.

Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan, pada waktu pejabat.

Premis EKK diarah berhenti operasi serta merta

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara



SEKITAR Operasi Sepadu yang dilaksanakan di sebuah unit di dalam bangunan komersial tempat tinggal pekerja asing di Kampung Lambak (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan telah melaksanakan Operasi Sepadu dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (JTMP) pada 18 Ogos 2026 di sebuah unit di dalam bangunan komersial tempat

tinggal pekerja warga asing di Kampung Lambak.

Hasil daripada operasi berkenaan, pihak JDBM telah mendapati pelbagai kesalahan di bawah Akta Establismen Kecantikan dan Kesihatan (EKK), Penggal 241, iaitu tidak memiliki lesen EKK yang sah; premis perniagaan mengiklankan perkhidmatan EKK yang tidak mempunyai lesen; tidak menjalani

pemeriksaan kesihatan badan; tidak menyediakan bilik persalinan; tidak menyediakan dan mengemas kini buku daftar pekerja; pengamal urut dan refleksologi tidak mempunyai sijil kelayakan dan tidak memasang papan tanda EKK.

Pihak JDBM telah mengeluarkan notis penutupan ke atas unit berkenaan dan diarahkan untuk dihentikan operasi dengan serta merta.

Sementara JIPK mendapati dua individu melakukan kesalahan di bawah peraturan imigresen, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan manakala seorang lagi bekerja di bawah jaminan syarikat lain.

Individu-individu berkenaan di bawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan, JIPK bagi siasatan dan tindakan lanjut.

Manakala JTMP mendapati kesalahan di bawah Bab 70, iaitu gagal memberikan cuti awam yang diwartakan; Bab 112 (1), iaitu menggaji pekerja asing tanpa lesen dari pesuruhjaya; Bab 112 (2), iaitu menempatkan pekerja asing bukan di tempat yang diisytiharkan; dan Bab 112 (2), iaitu pekerja imigran didapati bekerja di bawah syarikat lain.

Langkah penguatkuasaan berkenaan menegaskan komitmen pihak jabatan dalam memastikan semua premis perniagaan mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa, demi menjaga kepentingan pengguna serta menjamin tahap keselamatan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Orang ramai juga digalakkan untuk mendapatkan perkhidmatan hanya daripada premis yang mempunyai lesen yang sah, serta menyalurkan aduan kepada pihak berkuasa sekiranya mengetahui tentang kegiatan tidak berlesen melalui talian WhatsApp +673 8321581.






**TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA,
JAUHI TELEFON BIMBIT.**

**WATCH THE ROAD,
KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.**

Road Safety Depends
on #YouAndMe

Sebuah syarikat didenda kompaun BND4,000



JABATAN Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan telah mendapati syarikat berkenaan melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan menerima aduan mengenai pembuangan sampah di kawasan tanah lapang kawasan Kampung Lugu.

Hasil daripada pemeriksaan ke atas sampah-sampah berkenaan didapati adalah milik syarikat kontraktor yang menjalankan projek mengubah suai bangunan.

Syarikat berkenaan telah dikeluarkan tawaran denda kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat tersebut ialah Azra Sdn. Bhd. dan dikeluarkan denda kompaun pada 22 Ogos 2026 berjumlah BND4,000 di bawah Bab 12 (1) (e) dan Bab 12 (1) (f) (ii).

Syarikat berkenaan telah diarahkan untuk menjelaskan denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyalurkan maklumat dengan penuh tanggungjawab.

Pihak jabatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.

LINDUSTRI KOTEJ



Miniatur makanan comel buatan anak tempatan

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Ihsan Dayang Nuramanina Haji Suhaili

GOLONGAN gen-Z dan millennial kini gemar mengumpulkan barang comel untuk dijadikan sebagai perhiasan meja, gantungan kunci malahan juga menjadikan sebagai *accessories* seperti *fridge magnet*, gantungan kunci mahupun anting-anting. Antara barangan comel yang disukai ialah miniatur.

Bagi mereka yang kreatif, punya ketelitian dan kesabaran yang tinggi, pembuatan miniatur memang sesuai buat golongan ini. Dayang Nuramanina Haji Suhaili, 34, ketika ini gigih membuat miniatur dari tanah liat (*clay*) secara separuh masa.

Semuanya bermula dari hobi pada tahun lalu dan akhirnya menjadi perniagaan separuh masa memandangkan di negara ini pembuatan miniatur belum begitu banyak.

"Saya mula minat bermain *clay* dari kecil, tetapi hanya berpeluang mula mencuba sejak setahun yang lalu kerana hendak mencuba hobi yang baharu. Dari rekaan yang dibuat timbul idea utk memuat naik di media sosial dan alhamdulillah mendapat sambutan ramai. Jadi saya membuat keputusan untuk cuba menjual dan menerima tempahan," jelasnya.

Di bawah label syarikat Lilac Bearshop, beliau membuat produk berupa miniatur makanan iaitu replika makanan dan minuman bersaiz kecil yang diperbuat daripada *clay*, miniatur gantungan kunci dan magnet. Selain itu ada juga aksesori lain seperti klip rambut, pin dan lain-lain.

Lazimnya beliau membuat produk ini melalui tempahan dan jika ada *pop up sale* barulah beliau membuat produk secara *instock* untuk dijual pada *pop up sale* tersebut.

Produk terlaris beliau ialah *miniature frame food*, gantungan kunci berbentuk nasi

katok dan ambuyat serta anting-anting berbentuk makanan dan minuman. Biasanya reka bentuk yang diinspirasi dari makanan dan minuman tempatan merupakan miniatur yang mendapat sambutan baik dalam kalangan pembeli.

Beliau menjual produknya dari harga BND8.00 hingga BND200.00 mengikut saiz, bentuk dan *details* yang perlukan ketelitian.

Di dalam proses pembuatan, beliau hanya membuat miniatur secara bersendirian di rumah. Beliau hanya dibantu oleh rakan jika membuat *pop up sale*.

Buat masa ini beliau selesai menghasilkan produknya di rumah dan semua transaksi dilakukan secara dalam talian. Ini kerana beliau sendiri masih bekerja di syarikat swasta di samping membuat perniagaan ini.

Ditanya dari mana belajar membuat miniatur, beliau hanyalah belajar dari internet, khususnya YouTube dan Instagram. Idea juga datang dari Instagram *clay artists* dari luar negara seperti Malaysia, Jepun, Korea dan lain-lain.

Bahan untuk membuat miniatur beliau dapati melalui dalam talian kerana harganya lebih murah serta banyak pilihan. Bahan yang diperlukan ialah tanah liat, *resin*, bahan-bahan pewarna dan pinggan mangkuk dan cawan bersaiz kecil (*miniature size*).

Dalam membuat perniagaan miniatur ini, beliau juga tidak terlepas menghadapi beberapa cabaran seperti reka bentuk yang gagal, dan menggunakan bahan yang banyak tetapi gagal. Namun pada beliau semua ini adalah satu proses *research and development* (R&D) untuk membuat

produk yang lebih baik dan berkualiti.

Cabaran lain pula di mana pelanggan membuat permintaan yang terlalu spesifik seperti warna dan saiz tertentu. Untuk ini beliau lazimnya selalunya meminta pelanggan untuk menghantar gambar rujukan supaya tidak terjadi kesalahfahaman.

Terdapat juga beberapa produk yang rosak setelah dihantar kepada pelanggan, membuatkan beliau mengganti produk yang rosak dengan yang baharu dengan membuat *improvement* untuk produk yang seterusnya.

Membuat miniatur yang bersaiz kecil setentunya memerlukan ketelitian. Menurut Dayang Nuramanina, oleh kerana semuanya dilakukan secara manual dan hanya menggunakan acuan bagi rekaan-rekaan tertentu, ketelitian dan *consistency* sangatlah penting bagi memastikan produk-produk mempunyai saiz, warna dan *details* yang sama. Adalah sangat-sangat membantu jika pelanggan yang membuat tempahan itu memahami tentang tempoh masa yang diperlukan bagi membuat sesuatu tempahan, kerana selain daripada *sculpting time*, beliau juga memerlukan *drying time* untuk tanah liat betul-betul kering dan disapu *finishing layer*.

Membuat *details* yang terlalu kecil seperti membuat butir nasi, ikan bilis dan lain-lain juga mencabar kerana beliau harus menyesuaikan *proportion* dan saiz yang bersesuaian supaya hasilnya nanti nampak harmoni dan sekata (tidak ada yang terlebih besar, terlebih kecil dan sebagainya). Bagi mereka yang ingin melihat hasil karya beliau, bolehlah melayari TikTok, Thread dan Instagram @lilacbearshop.

Beliau bersyukur kerana mempunyai pelanggan tetap yang sering memberikan sokongan terutama ketika melaksanakan

pop up sale. Selain itu beliau juga mengikuti komuniti Arts dan Crafts Brunei yang sangat menyokong dan mendukung antara satu sama lain.

Selain itu, beliau juga terpilih menjadi salah seorang pereka untuk membuat pesambah bagi disebarkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun 2025.

Penutup

Kraf tangan yang diperbuat dari tanah liat merupakan seni untuk mengekspresikan kreativiti dan imaginasi pembuatnya. Dengan mengikuti langkah-langkah asas dan tip yang tepat, kraf tangan dari tanah liat boleh menjadi unik dan bernilai tinggi.

Miniatur dari tanah liat merupakan salah satu produk yang boleh dijadikan sebagai cenderahati mahupun hadiah. Membuat miniatur makanan tempatan pula memberikan nilai-nilai tempatan terhadap miniatur membuatnya sesuai dijual kepada pelancong.

Jika *biskita* tertarik untuk membuat kraf tangan dari tanah liat, ketahuilah ia tidak memerlukan seseorang yang sangat mahir melakar, melukis atau bidang seni. Sebagaimana Dayang Nuramanina, beliau merupakan graduan dari Universiti Brunei Darussalam dalam bidang Sastera Melayu, yang langsung tidak ada latar belakang seni. Bermula dari mencuba, akhirnya membuahkan hasil kraf tangan yang sangat menarik. Media sosial juga banyak mengongsikan mengenai pembuatan kraf tangan dari tanah liat, memudahkan lagi proses *try and error* bagi mereka yang berminat.



A Flight To Remember : Mencipta kenangan di awan biru

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Ihsan Freme Travel Sdn. Bhd.

DALAM kehidupan seharian, pengalaman baharu sering menjadi kenangan yang berharga, khususnya bagi kanak-kanak yang berpeluang merasai sesuatu yang mungkin belum pernah mereka alami sebelum ini. Sebuah penerbangan selama satu jam mungkin kelihatan singkat, namun bagi kanak-kanak yang menyertainya, pengalaman tersebut menjadi satu kenangan istimewa yang sukar dilupakan.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-55 penubuhannya, Freme Travel Services Sdn. Bhd. meraikan detik bersejarah tersebut menerusi Program 'Freme 55th Anniversary : A Flight to Remember', sebagai salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk merasai pengalaman menaiki pesawat serta menyaksikan keindahan Negara Brunei Darussalam (NBD) dari ruang udara.

Program berkenaan turut memperlihatkan bagaimana sambutan ulang tahun sesebuah organisasi bukan sahaja dapat diraikan sebagai pencapaian korporat, bahkan boleh dikongsi bersama masyarakat melalui inisiatif yang membawa manfaat, kegembiraan dan pengalaman bermakna kepada golongan yang memerlukan.

Berkongsi kegembiraan bersama masyarakat

Freme Travel Services Sdn. Bhd., yang ditubuhkan pada tahun 1971 kini genap 55 tahun berkecimpung dalam industri pelancongan dan pengembaraan di NBD. Sepanjang lebih lima dekad, syarikat berkenaan terus menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan

ANTARA yang menyertai Program 'Freme 55th Anniversary : A Flight to Remember', Awang Sulaiman bin Haji Ahmad dan Dayang Vivi Dania Qisyah Syaziewina binti Abdullah semasa ditemu bual.



pelancongan, pakej percutian serta pengalaman pengembaraan, di samping menyumbang kepada perkembangan industri pelancongan negara.

Sempena pencapaian tersebut, syarikat pelancongan berkenaan memilih untuk meraiikannya dengan cara yang lebih bermakna melalui pelaksanaan Program 'A Flight to Remember'. Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen syarikat untuk berkongsi kegembiraan ulang tahun bersama masyarakat setempat.

Program tersebut bertujuan memberikan pengalaman baharu, menarik dan bermakna kepada para peserta, selain membuka ruang kepada mereka untuk mencipta kenangan yang dapat dikenang pada masa akan datang.

Pengalaman pertama di ruang udara

Program yang berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu membawa seramai 114 orang kanak-kanak yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), berumur antara tujuh hingga 15 tahun.

Penerbangan khas tersebut dibiayai melalui inisiatif dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan kebangsaan, Royal Brunei Airlines (RB). Matlamatnya adalah untuk memberikan pendedahan yang unik serta peluang kepada para peserta menyaksikan

keindahan NBD di ruang udara.

Sebahagian daripada kanak-kanak yang menyertai program berkenaan merupakan anak yatim yang berdaftar di bawah JAPEM. Bagi sebahagian daripada mereka, penerbangan tersebut merupakan pengalaman pertama menaiki pesawat.

Antara peserta yang berpeluang merasai pengalaman berkenaan ialah Awang Sulaiman bin Haji Ahmad, 14 tahun berkata bahawa penerbangan tersebut merupakan pengalaman pertamanya menaiki pesawat. Menurutnya, perkara yang paling menarik perhatiannya sepanjang penerbangan ialah pemandangan yang dapat dilihat dari atas.

Pengalaman yang sama turut dikongsi oleh Dayang Vivi Dania Qisyah Syaziewina binti Abdullah, 14 tahun yang juga pertama kali menyertai acara penerbangan seumpamanya. Bagi beliau, suasana ketika berada di ruang udara merupakan antara perkara yang paling menarik sepanjang penerbangan. Beliau menggambarkan pengalaman tersebut dengan tiga perkataan, iaitu 'siuk', 'menarik' dan 'terpegun'.

Pengalaman tersebut tentunya bukan sekadar tentang menaiki pesawat. Para peserta turut berpeluang merasai sendiri pelbagai proses perjalanan udara, bermula daripada daftar masuk di lapangan terbang, persediaan sebelum berlepas, menaiki pesawat sehinggalah menikmati pengalaman berada di udara.

Penerbangan khas berkenaan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 10.00 pagi dan mendarat semula dengan selamat sekitar jam 11.00 pagi.

Kejayaan pelaksanaan Program 'A Flight to Remember' turut memperlihatkan kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam melaksanakan inisiatif yang memberikan manfaat kepada masyarakat. Program berkenaan dianjurkan dengan sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), JAPEM serta RB.

Dalam hal ini, JAPEM menyambut baik usaha Freme Travel Services Sdn. Bhd. bersama RB yang bukan sahaja memberikan pengalaman baharu dan bernilai kepada para peserta malah mencerminkan semangat kerjasama yang kukuh antara sektor awam dengan sektor swasta dalam memperkasakan kebajikan serta kesejahteraan masyarakat di NBD.

Lebih daripada sebuah penerbangan

Walaupun penerbangan tersebut hanya berlangsung selama kira-kira satu jam, nilai yang terkandung di sebaliknya jauh lebih besar daripada tempoh perjalanan itu sendiri. Bagi para peserta, program berkenaan membuka peluang untuk mengalami sendiri suasana berada di lapangan terbang melalui proses

sebelum penerbangan dan seterusnya menikmati pengalaman berada di dalam pesawat.

Lebih penting lagi, pengalaman tersebut dirancang agar menjadi kenangan yang kekal dalam ingatan para peserta untuk tahun-tahun mendatang. Ia juga menjadi satu bentuk pengalaman pembelajaran yang memperkenalkan mereka kepada dunia penerbangan dalam suasana yang menyenangkan dan penuh makna.

Program seumpama ini turut memperlihatkan bahawa tanggungjawab sosial korporat bukan sekadar berbentuk sumbangan material. Sebaliknya, ia boleh dizahirkan melalui pemberian peluang, pengalaman dan ruang kepada golongan masyarakat untuk menikmati sesuatu yang baharu.

Menyemai nilai keprihatinan

Pelaksanaan Program 'A Flight to Remember' turut membawa mesej penting mengenai nilai keprihatinan dan tanggungjawab bersama dalam masyarakat. JAPEM turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Freme Travel Services Sdn. Bhd. serta RB atas keprihatinan, sokongan dan komitmen CSR yang ditunjukkan dalam menjayakan program tersebut. Usaha berkenaan bukan sahaja memberikan pengalaman baharu kepada para peserta, malah turut membawa keceriaan kepada kesemua kanak-kanak yang terpilih.

Genap 55 tahun berada dalam industri pelancongan dan pengembaraan merupakan satu pencapaian yang mencerminkan perjalanan panjang Freme Travel dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat, di samping menyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan negara.

Namun, Ulang Tahun Ke-55 bukan sekadar untuk mengenang sejarah yang telah dilalui. Sebaliknya, ia turut menjadi kesempatan untuk melihat ke hadapan dengan iltizam untuk terus menghubungkan masyarakat melalui perjalanan, pengalaman dan kenangan yang bermakna.

Program 'A Flight to Remember' dengan demikian menjadi lebih daripada sekadar sebuah penerbangan khas. Ia merupakan gambaran bahawa sebuah perjalanan yang singkat mampu meninggalkan kesan yang panjang dalam ingatan.

Bagi kanak-kanak yang berpeluang menyertainya, pengalaman terbang di ruang udara NBD mungkin hanya berlangsung satu jam. Namun, keceriaan, keterujaan, pengalaman baharu dan kenangan yang tercipta pada hari tersebut berpotensi untuk kekal dalam ingatan mereka untuk sekian lama.





35 ANGGOTA POLIS CEDERA DALAM KEGANASAN PERLAWANAN PIALA JERMAN

MANNHEIM (Jerman), 22 Ogos. - Seramai 35 anggota polis cedera dan beberapa penyokong bola sepak ditahan selepas keganasan tercetus pada perlawanan Piala Jerman antara Waldhof Mannheim dan Kaiserslautern pada Jumaat, menurut polis, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Seramai 85 individu memerlukan rawatan perubatan

dengan lapan daripada mereka dibawa ke hospital. Kecederaan yang dialami dipercayai ringan, menurut jurucakap polis.

Kira-kira 23,500 penonton menyaksikan perlawanan yang berlangsung dengan tiket habis dijual di Stadium Carl-Benz, Mannheim pada Jumaat malam, termasuk kira-kira 3,500 penyokong pasukan pelawat.

Suasana tegang sepanjang perlawanan dengan bahan piroteknik berulang kali dinyalakan

di tempat duduk penonton.

Keadaan bertambah tegang selepas kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan selepas 90 minit.

Susulan konfrontasi antara pemain di atas padang, beberapa penyokong Kaiserslautern melepaskan bunga api ke arah kawasan tempat duduk penonton, menyebabkan penyokong Mannheim menyerbu masuk ke padang.

Polis campur tangan bagi mengawal keadaan.

Menurut polis, 35 anggota mengalami kecederaan ringan. Kira-kira 1,400 anggota keselamatan dikerahkan bagi perlawanan itu.

Perlawanan itu hampir terpaksa dihentikan dan permulaan masa tambahan ditangguhkan, namun keadaan kembali tenang selepas permainan disambung semula.

Anggota bomba kemudian memadamkan kebakaran yang dicituskan penyokong di bahagian tempat duduk penyokong pasukan pelawat.

Polis sedang menyiasat beberapa kesalahan yang disyaki termasuk serangan, kerosakan harta benda, mengganggu ketenteraman awam, serangan terhadap anggota polis serta pelanggaran undang - undang bahan letupan. - ©BERNAMA

Rekod suhu malam paling panas dicatat di barat daya AS

LOS ANGELES, 23 Ogos. - Rekod suhu malam paling panas dilaporkan di beberapa kawasan di barat daya Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat ketika amaran cuaca panas ekstrem masih berkuat kuasa di beberapa kawasan di California, Nevada dan Arizona, menurut Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) AS, lapor Xinhua.

Suhu di Death Valley, California, tidak turun di bawah 38.3 darjah Celsius pada Jumaat, sekali gus mengatasi rekod terdahulu bagi 21 Ogos iaitu 37.8 darjah Celsius yang dicatatkan pada 1919, menurut pejabat NWS Las Vegas.

Di Desert Rock-Mercury, Nevada, suhu terendah kekal pada 28.9 darjah Celsius, menyamai rekod bagi 21 Ogos yang dicatatkan pada 2018, menurut pejabat itu.

Perkhidmatan cuaca itu merujuk bacaan berkenaan sebagai rekod suhu minimum tertinggi, yang mengukur suhu terendah harian paling panas dan bukannya suhu tertinggi pada waktu petang.

Pejabat itu memaklumkan amaran berkenaan meliputi Taman Negara Death Valley, Lembah Las Vegas, Tasik Mead, Tasik Mohave dan Lower Colorado River Valley. Amaran itu berkuat kuasa sehingga Ahad malam.

Pejabat NWS San Diego memaklumkan suhu maksimum dan minimum melebihi purata akan berterusan hingga minggu depan. Menurut pejabat itu, suhu malam yang luar biasa panas akan mengehadkan kelegaan daripada cuaca panas di beberapa kawasan. - ©BERNAMA

Kapal berbendera Panama karam selepas tinggalkan pelabuhan India

NEW DELHI, 23 Ogos. - Sebuah kapal kargo berbendera Panama yang membawa bijih besi karam selepas berlayar dari Pelabuhan Paradip India di negeri timur Odisha. Insiden itu disahkan oleh seorang pegawai Pengawal Pantai India (ICG) pada Ahad, lapor Xinhua.

Menurut ICG, terdapat 24 anggota kru dari pelbagai negara di atas kapal malang itu, dan operasi menyelamat besar-besaran telah dilancarkan untuk menyelamatkan mereka. Kapal ke Singapura MV Ocean Winner itu karam sekitar 240 batu nautika dari Pelabuhan Paradip Odisha dan memulakan pelayaran pada 20 Ogos.

Laporan dalam talian oleh NDTV menyatakan bahawa syarikat pengendali kapal itu, Victory Star Group Co Ltd, pada Sabtu memaklumkan Pusat Penyelarasan Penyelamat Maritim India mengenai kehilangan komunikasi dengan kapal itu sebelum operasi menyelamat bersama dilancarkan oleh ICG dan Tentera Laut India. - ©BERNAMA

Jangkitan meningkat di Delhi, kerajaan India gesa pantau gejala H1N1

NEW DELHI, 23 Ogos. - Kementerian kesihatan persekutuan India pada Sabtu menyenaraikan simptom untuk memantau kes influenza H1N1 dan menggesa orang ramai supaya terus berwaspada, lapor Xinhua.

Menurut kementerian itu dalam satu nasihat yang disiarkan di media sosial, H1N1 boleh menyebabkan demam, batuk, sakit tekak, sakit kepala, hidung berair, sakit badan dan keletihan.

Gejala lain yang disenaraikan termasuk kelesuan, hilang selera makan, loya, muntah, sakit sendi dan otot serta cirit-birit. Menurut laporan media tempatan, Delhi merekodkan 1,777 kes H1N1 tahun ini, apabila jangkitan selesema meningkat di beberapa negeri. - ©BERNAMA

2 maut, seorang cedera dalam insiden tembakan di selatan Republik Filipina

MANILA, 22 Ogos. - Dua individu maut manakala seorang lagi cedera pada Khamis selepas sekumpulan lelaki bersenjata yang tidak dikenali melepaskan tembakan ke arah kenderaan mereka di Pulau Mindanao, selatan Republik Filipina, menurut laporan media tempatan pada Sabtu, lapor Xinhua.

Insiden tembakan itu berlaku di wilayah Maguindanao del Sur.

Mangsa dalam perjalanan ke Cotabato City apabila suspek yang menaiki motosikal melepaskan tembakan ke arah mereka di bandar Datu Saudi Ampatuan, menurut media tempatan GMA News yang memetik Pejabat Polis Wilayah di

wilayah Bangsamoro.

Pemandu berusia 56 tahun dan rakannya yang berusia 40 tahun maut di tempat kejadian, manakala seorang buruh yang turut bersama mereka dibawa ke hospital untuk menerima rawatan.

Polis sedang menyiasat kejadian itu. - ©BERNAMA

Jerebu : Semua penerbangan di Lapangan Terbang Singkawang, Kalimantan Barat dibatalkan

JAKARTA, 22 Ogos. - Semua penerbangan di Lapangan Terbang Singkawang di wilayah Kalimantan Barat, Republik Indonesia dibatalkan pada Sabtu akibat jerebu, ketika pihak berkuasa meneruskan usaha menangani kebakaran hutan dan tanah di seluruh Kalimantan.

Menerusi infografik yang dimuat naik dalam akaun Instagram rasminya, lapangan terbang yang mengendalikan penerbangan domestik itu memaklumkan keputusan berkenaan dibuat demi keselamatan penerbangan dan menasihati penumpang yang terjejas supaya menghubungi syarikat penerbangan masing-masing.

Singkawang terletak di bahagian barat Borneo Republik Indonesia, kira-kira 145 kilometer di utara Pontianak, ibu kota wilayah berkenaan.

Sementara itu, Kementerian Pengangkutan Indonesia pada Jumaat memaklumkan pihaknya terus memantau asap akibat kebakaran hutan dan tanah di Kalimantan serta kesannya

terhadap operasi penerbangan di beberapa lapangan terbang.

Ketua Pengarah Penerbangan Awam Lukman F. Laisa berkata jarak penglihatan merupakan faktor penting dalam keselamatan penerbangan, dengan penerbangan boleh mengalami kelewatan, dilencongkan atau dibatalkan apabila jarak penglihatan berada di bawah had operasi yang ditetapkan.

"Keselamatan penerbangan menjadi keutamaan. Pengendali dikehendaki membuat penyesuaian apabila keadaan jarak penglihatan tidak memenuhi syarat. Kami terus memantau keadaan dan menyelaraskan dengan semua pihak berkepentingan," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, kementerian berkenaan menerusi kemas kini terbaharu di Instagram memaklumkan pemantauan satelit Terra/Aqua NASA mengesan 56 titik panas berkeyakinan tinggi di Kalimantan Tengah, 51 di Kalimantan Barat dan 19 di Kalimantan Selatan setakat 9.30 malam waktu tempatan pada Jumaat.

Kementerian itu, memetik pemantauan Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG), memaklumkan beberapa kawasan di Kalimantan Barat dan Kalimantan Tengah mengalami kualiti udara sangat tidak sihat.

Menurut kementerian itu, operasi pemadaman kebakaran dari darat dan udara termasuk pengeboman air sedang dijalankan, manakala operasi modifikasi cuaca telah disiapsiagakan dan akan dilaksanakan apabila keadaan awan sesuai.

Secara berasingan, polis Kalimantan Tengah pada 19 Ogos menamakan kira-kira 12 suspek dalam kes kebakaran hutan dan tanah setakat pertengahan Ogos, lapor agensi berita ANTARA.

Ketua Polis Kalimantan Tengah Inspektor Jeneral Iwan Kurniawan berkata semua kebakaran hutan dan tanah di wilayah itu disiasat bagi mengenal pasti punca kejadian serta pihak yang bertanggungjawab, dengan siasatan membawa kepada penamaan suspek dalam beberapa kes. - ©BERNAMA

Pendaki Republik Persekutuan Jerman maut terjatuh 40 meter di Alps Austria

VIENNA, 22 Ogos. - Seorang pendaki Republik Persekutuan Jerman berusia 19 tahun maut selepas terjatuh kira-kira 40 meter dalam kejadian di Gunung Grossglockner, Austria, menurut polis, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Kejadian berlaku pada petang Jumaat di kawasan pendakian di Kals, negeri Tyrol, menurut polis.

Punca mangsa terjatuh masih belum dapat dipastikan.

Seminggu sebelum itu, seorang pendaki Republik Persekutuan Jerman berusia 36 tahun maut di Pergunungan Alps Zillertal di Tyrol selepas hilang keseimbangan ketika melalui laluan sempit sebelum terjatuh antara 50 hingga 100 meter di kawasan curam dan berbatu.

Beberapa hari sebelumnya, seorang lagi pendaki Republik Persekutuan Jerman maut selepas terjatuh dari kawasan tebing berbatu di Banjaran Venediger di Tyrol.

Penyiasat percaya lelaki berusia 74 tahun itu turut maut akibat kemalangan ketika dalam perjalanan turun. - ©BERNAMA

MEMUPUK INTERAKSI SIHAT MELALUI SUKAN BOLING

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Ogos. - Seramai lebih 40 pemain yang terdiri daripada bekas penuntut Sekolah Persediaan Inggeris (Brunei Preparatory School - BPS) dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOASC) telah menyertai Perlawanan Bowling sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 yang diadakan petang tadi di Utama Bowling Centre, Batu Satu, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Mastura binti Haji Sulaiman.

Pertandingan berkenaan menyaksikan pasukan 3 Budak Sekolah Escape Ke Tasek menyandang juara bagi Kategori Berpasukan Lelaki dengan markah 1,631 jatuhan pin, manakala pasukan An Nas pula muncul juara bagi Kategori Berpasukan Perempuan dengan markah sebanyak 1,382 jatuhan pin.

Sementara juara bagi Kategori Perseorangan Lelaki pula dimenangi oleh Awang Abdul



PENGARAH Perancangan dan Pengurusan Estet, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Mastura binti Haji Sulaiman semasa bergambar ramai bersama para pemenang.

Salam bin Rajab dengan 642 jatuhan pin, manakala Kategori Perseorangan Perempuan dimenangi oleh Dayang Hajah Mastura binti Haji Sulaiman dengan 452 jatuhan pin.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk

mengasah bakat dalam kalangan ahli kelab, memupuk interaksi sihat melalui sukan boling, serta memberi peluang untuk berkenalan dan berinteraksi secara tidak formal dengan wakil daripada pihak kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Abel Lim Wee Yuen raih pingat perak

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia XXII Selangor 2026

SELANGOR, MALAYSIA, Sabtu, 22 Ogos. - Atlet Wushu kontinjen Negara Brunei Darussalam, Abel



(SUKMA) XXII Selangor 2026, hari ini.

Abel Lim Wee Yuen menduduki tempat kedua daripada 19 peserta dengan catatan 9.593 mata untuk membawa pulang pingat perak dalam acara berkenaan.

Sementara itu, dalam acara Women's Nangun, atlet negara, Lim Wan Xin, menduduki tempat ke-10 daripada 13 peserta dengan catatan 8.836 mata.

Dalam acara gabungan Men's Taijiquan and Taijijian pula, Chu Ching Hwa menduduki tempat ke-12 daripada 17 peserta dengan catatan keseluruhan 18.602 mata.

Pencapaian tersebut menyaksikan kontinjen Negara Brunei Darussalam menambah satu lagi pingat menerusi acara Wushu pada temasya SUKMA XXII Selangor 2026.

ABEL Lim Wee Yuen berjaya meraih pingat perak dalam acara Men's Nangun pada Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026.

Atlet karate Brunei teruskan saingan di SUKMA XXII Selangor

SELANGOR, MALAYSIA, Sabtu, 22 Ogos. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam meneruskan saingan dalam acara Karate pada Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 dengan beberapa perlawanan dalam kategori Kata dan Kumite, hari ini.

Dalam kategori Kata Individu Lelaki, Muhammad Rasydan Syafurullah bin Mohd Rozaime, tewas kepada wakil Pulau Pinang, Sarakash Nai Charem, dengan keputusan 2 - 3.

Bagi kategori Kata Individu Wanita pula, wakil negara, Dayang Sa'datul Hayat binti Dr. Abdul Nasir, tewas kepada wakil Sabah, Ivy Olivera Donny, dengan keputusan 0 - 5.

Sementara itu, dalam acara Kumite Individu Lelaki +84 kilogram, Awang Muhammad Azizul Aafi bin Mohammad Nazeri mencatatkan kemenangan ke atas wakil Wilayah Persekutuan, Ratnalingam Aathmaraj, dengan keputusan 3 - 2.

Namun, beliau kemudiannya

tewas kepada wakil Selangor, Sharvaankumar A/L Sivapragasam, dengan keputusan 0 - 4.

Dalam perlawanan *repechage* bagi kategori berkenaan, Awang Muhammad Azizul Aafi seterusnya



AWANG Muhammad Azizul Aafi bin Mohammad Nazeri pada acara Kumite Individu Lelaki +84 kilogram.

tewas kepada wakil Sabah, Andreas Bryan, dengan keputusan 1 - 3.

Saingan acara Karate kontinjen Negara Brunei Darussalam akan diteruskan dalam usaha atlet-atlet negara memberikan persembahan terbaik dan mengharumkan nama negara di persada sukan kebangsaan.

Brunei tewas kepada Kedah, Pahang dalam sepak takraw

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia XXII Selangor 2026

SELANGOR, MALAYSIA, Sabtu, 22 Ogos. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) tewas dalam dua perlawanan peringkat kumpulan acara sepak takraw pada Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026, hari ini.

Dalam pusingan peringkat kumpulan pada sesi pagi, kontinjen NBD tewas kepada pasukan Kedah dengan kiraan mata 15 - 10 dan 15 - 5.

Pada perlawanan seterusnya pada sesi sebelah petang, kontinjen NBD sekali lagi tewas, kali ini kepada pasukan Pahang dengan kiraan mata 15 - 9 dan 15 - 9.

Keputusan berkenaan menyaksikan kontinjen NBD gagal melayakkan diri ke pusingan seterusnya bagi acara berkenaan.



SESI bergambar ramai para atlet sepak takraw kontinjen Negara Brunei Darussalam (atas). Manakala gambar bawah, aksi para atlet pada acara tersebut.





PERLAWANAN BOLA SEPAK TIGA NEGARA PERKUKUH PERSAHABATAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri sekali). Sementara gambar kiri, juara Elite Majestic Cup 2026 semasa sesi bergambar ramai.

Penyampaian hadiah kepada para pasukan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Penganjuran Elite Majestic Cup 2026 diharap dapat memberikan pengalaman istimewa kepada para peminat bola sepak, khususnya dalam menyaksikan semula aksi para pemain berpengalaman yang pernah mewarnai arena bola sepak negara masing-masing.

Diharapkan acara Elite Majestic Cup berkenaan akan dapat dilaratkan dan dibuat di luar negara, menjadikannya sebagai acara tahunan serta ingin menjemput negara Asean pada masa akan datang.

Semoga kejohanan kali ini dapat meneguhkan sukan bola sepak sebagai wadah untuk memperkukuh hubungan dan semangat persahabatan antara NBD, Malaysia dan Republik Indonesia.

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,
Ihsan Next Play Company

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Ogos. - Peminat bola sepak tanah air berpeluang menyaksikan aksi menarik para pemain legenda daripada tiga buah negara menerusi Elite Majestic Cup 2026, yang mempertemukan pemain 'legend' dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Malaysia dan Republik Indonesia yang berlangsung di Stadium Negara Hassanali Bolkiah, Berakas baru-baru ini.

Hadir menyaksikan kejohanan berkenaan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan dan isteri; serta Duta Besar Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor. Dr. Achmad Ubaedillah.

Kejohanan berkenaan adalah anjuran Next Play Company dan

ia merupakan julung kalinya diadakan di negara ini.

Menurut penganjur acara, Awang Haji Mohammad Waddi Aleyamin bin Haji Ibrahim, tujuan acara Elite Majestic Cup 2026 adalah meneguhkan perlawanan persahabatan yang menghimpunkan para pemain berpengalaman dan legenda bola sepak daripada ketiga-tiga negara, sekali gus menjadi platform bagi mengeratkan hubungan serta persahabatan melalui sukan bola sepak.

Perlawanan persahabatan tiga negara berkenaan mempunyai konsep yang berbeza, dan perlawanan beraksi pada satu malam mengikut format futsal.

Pembuka tirai perlawanan menyaksikan NBD menentang Malaysia, kemudian NBD menentang Republik Indonesia disusuli Malaysia menentang Republik Indonesia bagi perlawanan terakhir bagi penentuan merebut piala kejohanan.

Pasukan Malaysia telah menjuarai kejohanan berkenaan sekali gus membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai berjumlah BND8,000 setelah berjaya menewaskan pasukan NBD dan pasukan Republik Indonesia. Manakala naib juara disandangkan oleh pasukan dari Republik Indonesia dan pasukan NBD berada di tempat ketiga.

DPMM FC tewaskan Penang FC 1 – 0



ANTARA aksi para pemain DPMM FC semasa menentang Penang FC pada Perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 yang berlangsung di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman,
Tangkap Layar RTBG

PULAU PINANG, Ahad, 23 Ogos. - Pasukan DPMM FC mencatat kemenangan penting selepas menewaskan Penang FC dengan keputusan 1-0 dalam aksi Perlawanan Liga Super Malaysia Musim 2026 / 2027 yang berlangsung di Stadium Bandaraya, Pulau

Pinang, hari ini.

Perlawanan berlangsung dalam suasana sengit apabila kedua-dua pasukan saling berusaha untuk mendapatkan kelebihan sejak wisel permulaan dibunyikan. DPMM FC terus menggandakan usaha membina serangan bagi mencari peluang untuk memecahkan kebuntuan.

Walau bagaimanapun, sepanjang babak pertama berlangsung, kedua-dua pasukan

gagal menghasilkan sebarang jaringan meskipun beberapa percubaan berjaya dicipta. Kedudukan kekal 0-0 sehingga tamat 45 minit pertama.

Memasuki babak kedua, DPMM FC cuba meningkatkan tekanan dan terus mencari ruang di kawasan pertahanan Penang FC. Usaha tersebut akhirnya membuahkan hasil pada minit ke-63 apabila Miguel Angelo Agostinho Oliveira berjaya menjaringkan gol

pembukaan untuk memberikan DPMM FC kelebihan 1-0.

Jaringan berkenaan menyemarakkan lagi semangat DPMM FC yang kemudiannya berusaha mengekalkan kelebihan sehingga tamat perlawanan. Penang FC turut meningkatkan tekanan bagi mencari gol penyamaan, namun barisan pertahanan DPMM FC berjaya bertahan dengan baik untuk memastikan keputusan 1-0 kekal sehingga wisel penamat dibunyikan.

Kemenangan tersebut amat bermakna buat DPMM FC apabila pasukan berjaya membawa pulang tiga mata penuh daripada perlawanan di gelanggang lawan. Selain menambah keyakinan pasukan, keputusan berkenaan turut memberikan suntikan semangat untuk menghadapi perlawanan seterusnya.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan DPMM FC menentang Kuala Lumpur City FC yang dijadualkan berlangsung pada 29 Ogos 2026 bertempat di Stadium Bola Sepak Cheras.

Dengan momentum kemenangan yang diraih ke atas Penang FC, DPMM FC pastinya berharap dapat meneruskan rentak positif serta sekali lagi mempamerkan aksi terbaik bagi memburu keputusan yang membanggakan pada perlawanan akan datang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEBAIK-BAIKNYA KERINDUAN ADALAH KERINDUAN PADA BAGINDA RASULULLAH